

Jilid I
Bil. 62



Hari Juma'at
4hb Februari, 1972

PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN RA'AYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN PERTAMA
First Session

KANDONGAN-NYA

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan 6931]

KENYATAAN TIMBALAN MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI [Ruangan 6943]

RANG UNDANG²:

Rang Undang² Perbekalan, 1972

Jawatan-kuasa Perbekalan—

Kepala B. 57 [Ruangan 6944]

Rang Undang² (Perbadanan) Lembaga Kemajuan Perusahaan (Pindaan) [Ruangan 6949]

Rang Undang² Pilihanraya (Pindaan) [Ruangan 6950]

USUL:

Uchapan Penanggoan (Universiti Merdeka) [Ruangan 7006]

MALAYSIA
DEWAN RA'AYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Juma'at, 4hb Februari, 1972

Meshuarat di-mulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADHIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara Perak.
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Kerja Raya dan Kuasa Letrik, DATO' HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kebajikan Am, TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HUSSEIN BIN DATO' ONN, P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timor).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan, DATO' ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jejebu-Jempol).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT (Johor Bharu Barat).

„ DATO' DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).

„ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).

„ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).

„ DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Lipis).

„ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).

„ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).

„ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).

„ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).

„ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).

„ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).

„ TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).

„ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).

„ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).

„ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., A.M.N., J.P., J.S.M. (Sungei Patani).

„ DATO' PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.B.S., P.N.B.S. (Julau).

„ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).

„ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).

„ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).

„ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).

„ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).

„ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

„ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).

„ TUAN CHEN KO MING, P.B.S., A.M.N. (Sarikei).

„ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).

„ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).

„ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).

„ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).

„ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).

„ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).

„ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).

„ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).

- Yang Berhormat TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ TUAN KHOO PENG LOONG, O.B.E. (Bandar Sibu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI IDRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATO' PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN MUSA BIN HITAM (Segamat Utara).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Luboh Antu).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).

- Yang Berhormat TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, P.I.S., S.M.J. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Dato).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim Bandar Bharu).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ DATO' JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ TENGGU ZAID BIN TENGGU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIADA HADHIR:

- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUN DR ISMAIL AL-HAJ BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).
- Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan, DATO' HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).

Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Samarahan).

- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M., C.H., D.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN PETER LO SU YIN (Sandakan).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ DATO' ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P., J.M.N. (Sabak Bernam).
- „ DATO' PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- „ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ DR SULAIMAN BIN MOHAMED ATTAS, J.P., P.J.K. (Rembau-Tampin).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).

YANG HADHIR BERSAMA:

Yang Berhormat Menteri Tugas² Khas dan Menteri Penerangan, TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Di-lantek).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN²

KERA'AYATAN—MEMOHON JADI WARGANEGARA

1. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong (di-bawah S. O. 24 (2)) bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berapa banyak-kah orang² Indonesia yang pindah masuk sa-chara haram telah di-berikan kera'ayatan sejak tahun 1963 dan sama ada Menteri akan menimbangkan untuk memberi kera'ayatan kepada mereka yang masuk sa-chara haram ka-Sarawak sa-kurang²-nya sudah 5 tahun lama-nya dan telah berkahwin dengan perempuan² tempatan dan beranak-pinak di-Sarawak.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, tidak ada. Saya tidak dapat memberi kera'ayatan kepada orang² yang masuk sa-chara haram oleh kerana mereka tidak layak untuk memohon menjadi warga-negara.

Tuan Luhut Wan: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah pehak yang berkuasa akan memberi pertimbangan terhadap sa-siapa bagi saudara² kita yang telah lahir di-Indonesia dan telah masuk dalam Malaysia ini sa-belum Undang² ini di-kuatkuasakan. Ada-kah pertimbangan terhadap mereka itu akan di-beri kelayakan menjadi warga-negara?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Pertimbangan boleh di-beri sa-kira-nya ada permohonan.

Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong: (Dengan izin) Dato' Yang di-Pertua, will the Honourable Minister consider individual cases on compassionate grounds based on recommendations from the District Officer and the Police Officer-in-Charge of the District?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, kita boleh timbangkan di-atas merit sa-suata kes.

LARANGAN RA'AYAT MALAYSIA KA-CHINA

2. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan akan menarek sa-mula larangan terhadap ra'ayat Malaysia yang ingin melawat dan pergi ka-Republik Ra'ayat China, sa-bagai suatu langkah untuk mewujudkan perasaan muhibbah di-antara ra'ayat dan juga membuka jalan untuk persafahaman di-antara kedua negara.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan akan menimbang melonggarkan syarat² untuk melawat ka-negeri China dari sa-masa ka-samasa berasaskan kepada perhubungan negeri itu dengan Malaysia. Pada masa ini Kerajaan telah memberi pertimbangan kepada ra'ayat² Malaysia yang ingin pergi ka-negeri China untuk perubatan, melawat saudara-mara dan untuk maksud perniagaan melalui agensi yang telah di-lantekkan oleh Kerajaan. Jika mereka itu memenohi syarat² yang tertentu, pertimbangan kepada permohonan² itu di-beri mengikut keadaan masing², ia-itu on merits of each case.

FIDA—MEMAJUKAN PERUSAHAAN

3. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Perdagangan dan perusahaan menyatakan apakah keputusan yang telah di-ambil oleh FIDA untuk memasoki terus kemajuan perusahaan dengan memaju dan mengelolakan ladang² dengan sendiri-nya; sila beri butir² mengenai hal ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, pada dasar-nya Kerajaan telah bersetuju supaya FIDA memaju serta menguruskan estet² perusahaan. Tetapi Kerajaan² Negeri sekarang ini sedang memajukan serta mengurus estet² perusahaan dengan sendiri-nya. Ada-lah di-anggarkan bahawa estet² perusahaan ini serta yang di-chadangkan untuk di-majukan di-masa akan datang ada-lah lebih dari chukup untuk memenohi keperluan perusahaan² bagi tahun² yang akan datang. Oleh yang demikian, FIDA akan menumpukan perhatin-nya terhadap memberikan nasihat teknik kepada Kerajaan² Negeri mengenai memaju dan menguruskan estet² perusahaan itu. Sunggoh pun demikian, FIDA sedang menyiasat kemungkinan untuk

memaju serta mengurus estet² perusahaan dengan sendiri-nya kemudian kelak terutama sa-kali di-Pantai Timor Malaysia Barat.

INDEX HARGA RUNCHIT

4. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perdagangan dan Perusahaan menyatakan gambaran sa-benar-nya harga barang² keperluan hari², di-mana ramai orang merungut bukan saja tentang pendapatan yang terlalu kecil dan harga getah yang rendah, tetapi juga bertambah-nya beban mereka dengan kenaikan harga barang² keperluan hari².

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, index harga runchit yang ada sekarang yang berasaskan kepada angka 100 dalam tahun 1959 telah berubah kepada 108.7 pada bulan Ogos, 1971. Ini menunjukkan bahawa paras harga runchit telah meningkat sa-banyak 8.7%. Bagaimana pun Kementerian saya sedar, ia-itu satu kajian sa-mula ada-lah di-perlukan bagi index ini yang telah pun berjalan sa-lama 13 tahun. Bagi keperluan peranchangan dan pembentokan dasar yang segera, satu index sementara telah dibuat dengan menjadikan tahun 1967 sa-bagai asas-nya dan menggunakan perasaan² (weights) yang bertukar². Mengikut index sementara ini paras harga pada 'am-nya telah meningkat daripada 100 dalam tahun 1967 kepada 105.2 dalam bulan September, tahun 1971. Ini menunjukkan kadar kenaikan yang lebih chepat.

Sa-belum kajian sa-mula dapat di-laksanakan, ada-lah perlu untuk menjalankan satu Pengajian Belanjawan Rumah-tangga. Peranchangan berkenaan dengan ini telah di-mulakan dan satu pengajian gesar²an akan di-lancharkan dalam tahun 1972 ini. Berikutan dengan ini suatu index yang baharu akan dapat di-sediakan.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat cost of living index yang telah di-sebutkan oleh Timbalan Menteri itu tidak berapa betul, sebab banyak housewife berkata index ini tidak realistic oleh kerana barang² sekarang ini yang ada di-pasar² telah banyak naik. Umpama-nya susu tepong sudah naik 15% satu pound. Kalau di-kira ini sudah naik 7% cost of living index dan lagi lesen taxi driver sudah pun naik dari \$10 sampai \$20.00 itu telah naik 100%. Dan lagi berkenaan dengan ayer dahulu tiap² \$1.00 untuk 1,000 gelen, sekarang sudah naik 20%. Bagitu juga cornflake makanan orang² miskin

pun sudah naik sampai 200% atau 300% dengan kerana itu ada-kah Kementerian ini sedar banyak housewife berkata cost of living index tidak berapa realistic.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, tadi pun telah saya katakan ia-itu index ini sudah tidak berapa tepat lagi kerana kita berasaskan kepada tahun 1959 sa-bagai tahun asas atau base year. Juga saya katakan ia-itu untuk sementara waktu kita buat index yang baharu bagi sementara, ia-itu berasaskan pada tahun 1967 dan dalam tahun ini kita akan menjalankan siasatan atau survey yang baharu untuk lebih lengkap lagi. Jadi memang-lah benar bahawa index kita ini tidak berapa tepat bagaimana saya katakan mula² tadi.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soal-nya, Tuan Yang di-Pertua, ada barang² yang telah naik, tetapi barang² yang chukup perlu untuk orang² miskin di-kampong² terutama sa-kali bukan sahaja naik, tetapi tidak ada; orang² kampong boleh makan ikan bilis, ikan bilis tidak di-dapati lagi, susah mahu di-dapati, ada-kah Kementerian ini tahu di-atas perkara ini?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soal yang di-hadapan kita ini soal index bukan soal ikan bilis tidak ada. Kalau Ahli Yang Berhormat itu hendak bertanya ikan bilis tidak ada, sila-lah buat soalan yang lain.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan saya tadi ia-itu harga-nya, oleh kerana ikan bilis ini—hoarding tidak ada di-simpan oleh peniaga² ini dengan sebab itu-lah tidak hendak di-jual langsung barangkali dengan gelap dia jual. Jadi oleh kerana itu Menteri yang bertanggung-jawab ini—ini bukan untuk saya, ini ada-lah untuk negara, orang² miskin, jadi ini-lah saya hendak bertanya supaya Menteri yang bertanggung-jawab, jawab betul².

Tuan Yang di-Pertua: Ya, bertanya pun tanya-lah betul², sebab ada bersangkutan—bersangkutan ikan bilis, harga-nya mana tahu. Boleh-lah di-jawab pertanyaan yang di-betulkan tadi dalam soalan tambahan bersangkutan dengan soalan ini.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak-lah menuduh persoalan

yang di-kemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak betul, chuma saya berkata tidak kena-mengena dengan soalan asal—bukan saya kata soalan tambahan itu tidak betul.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, bila-kah cost of living index yang akan di-betulkan itu boleh di-siapkan?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kita akan jalankan dalam tahun ini juga dan akan chuba di-siapkan dalam tahun ini juga. Tetapi terpulang-lah kepada Jabatan Statistics kalau mereka dapat menyiapkan dalam tahun ini ada-lah sa-baik²-nya, tetapi survey ini akan di-jalankan dalam tahun ini juga.

Tuan V. Veerappan: Boleh-kah Menteri yang berkenaan memberi tahu Dewan ini apa faktor² yang di-ambil untuk menyemakan index ini? What are the factors of the rise in the price of goods that are taken into consideration?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sa-chara 'am-nya ia-itu harga barang² banyak di-pergunakan oleh orang² di-kira oleh orang ramai ya'ani di-ambil ukoran yang berpendapatan rendah dan pada am-nya di-ambil orang yang berpendapatan \$300 ka-bawah, harga barang² di-kaji itu ia-lah barang² makanan yang di-perlukan sa-umpama beras, gula, garam, minyak, minyak makan dan sa-bagai-nya. Kemudian bahan² sa-umpama minuman yang biasa orang minum kopi-kah, minum teh atau ayer limau dan sa-bagai-nya. Bagitu juga soal harga rokok, harga barang² yang di-perlukan, yang di-gunakan oleh kebanyakan orang, mithal-nya pada masa akan datang ini soal harga radio set sa-kurang²-nya radio transistor yang kebanyakan orang sekarang telah menggunakan-nya, tetapi pada tahun 1959 dahulu orang² kebanyakan tidak memakai radio transistor. Jadi soal² tambang, tambang kenaikan, pendek-nya perkara² yang umum chara ini-lah yang masok di-dalam per-hetongan dalam masa hendak membuat kajian (survey) dan juga dalam masa hendak menyusun (compile) index.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar purchasing power of money telah di-kurangkan, sebab orang² yang menoreh getah gaji-nya sudah turun, tetapi barang²

consumer goods sudah naik, ini satu faktor yang penting, ada-kah Kementerian akan mengambil point dalam siasatan-nya.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Termasok-lah, Tuan Yang di-Pertua.

PERTUBOHAN MAKANAN DAN PERTANIAN—PERANAN MALAYSIA

5. Tuan Haji Mohamed Zain bin Abdullah minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan semenjak menjadi anggota Pertubohan Makanan dan Pertanian (FAO) apakah sumbangan dan peranan Malaysia dalam badan tersebut dan apa pula faedah² yang pernah di-terima oleh Malaysia.

Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan (Dato' Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, Malaysia menjadi ahli Pertubohan Makanan dan Pertanian Sa-dunia (FAO) pada tahun 1952. Semenjak itu Malaysia sentiasa memberi sumbangan-nya terhadap ranchangan dan dasar Pertubohan itu. Charum tahunan Malaysia kepada FAO ialah \$140,000.

Sa-lain daripada menjadi ahli Pertubohan (FAO) Malaysia juga menjadi ahli berbagai² jawatankuasa, Surohanjaya dan Badan² di-bawah naongan FAO. Faedah yang di-perolehi daripada FAO amat besar pada masa ini FAO sedang membantu 4 projek dengan kerjasama "United Nations Development Programme (Special Fund)". Projek² itu ia-lah:

- (i) Pusat Penyelidikan Makanan di-Serdang; (Food Technology Research and Development Centre);
- (ii) "Pilot Plantations for quick growing industrial tree species" yang di-tubohkan pada tahun 1967;
- (iii) Banchian Hasil Perhutanan (Forest Resources Surveys) dan
- (iv) Pusat Latehan Nelayan di-Pulau Pinang.

Jumlah bantuan kewangan dari UNDP melalui FAO terhadap projek² ini ia-lah \$13.3 juta dan sumbangan Kerajaan Malaysia terhadap projek² yang sama ia-lah \$18.0 juta.

Sa-lain daripada mengadakan projek² Pertubohan Makanan dan Pertanian Bangsa² Bersatu (FAO) juga telah memberi bantuan yang berharga melalui ranchangan bantuan

teknikel. Pada masa ini ada 5 pakar di-Malaysia yang menyumbang tenaga untuk kejayaan dan kemajuan pertanian.

Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa² Bersatu (FAO) juga menjadi satu agen memperluaskan pengalaman dan pengetahuan dalam bidang pertanian melalui meshuarat², seminar² dan persatuan² yang di-anjorkan oleh-nya. Di-persatuan² tersebut perkara² teknikel di-binchang untuk faedah ahli-nya. Berikut-nya Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa² Bersatu (FAO) juga menyampaikan banyak risalah² teknikel dan laporan² yang sangat berharga.

PERSATUAN² PELADANG— SAMBUTAN

6. Tuan Haji Mohamed Zain bin Abdullah minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan:

- (a) bagaimana sambutan Persatuan² Peladang terhadap ranchangan pawah lembu;
- (b) apa-kah peratoran dan chara projek tersebut di-jalankan; dan
- (c) sebutkan nama Persatuan Peladang yang pernah menyertai ranchangan ini di-Kelantan.

Dato' Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, sambutan dari Persatuan² Peladang atas ranchangan pawah ini ada-lah memuaskan. Chara-nya ranchangan ini di-laksanakan sekarang ini ia-lah melalui yunit² Persatuan Peladang. Persatuan² Peladang yang sekarang ada menyertai ranchangan ini ia-lah:

- (i) Persatuan Peladang Chabang Empat, Tumpat—2 yunit.
- (ii) Persatuan Peladang Daerah Pasir Puteh—1 yunit.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Soalan tambahan. Apa-kah dasar atau pun syarat² bagi sa-sabuah Persatuan Peladang itu di-beri projek ranchangan lembu pawah ini?

Dato' Abdul Samad bin Idris: Kementerian ini tidak menentukan dasar, tetapi ada membuat peratoran yang tertentu, ia-itu lembu² pawah itu di-beri keutamaan kepada Persatuan² Peladang yang telah maju dan dapat menunjukkan kebolehan-nya serta mempunyai daya usaha yang membawa kepada hasil² yang memuaskan.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Boleh-kah di-pertimbangkan dan di-luluskan kepada Persatuan² Peladang yang lain jika mereka itu membuat permohonan?

Dato' Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, itu akan di-pertimbangkan menurut keadaan dan kemampuan serta kemajuan menurut recommend yang diberikan oleh pegawai² yang berkenaan.

BUMIPUTRA MENGAMBIL PERUSAHAAN² DARI MARA

7. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan bila-kah MARA akan menyerahkan perusahaan²-nya kepada bumiputra?

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Tuan Yang di-Pertua, segala ranchangan itu boleh-lah di-ambil oleh bumiputra pada bila² masa sahaja yang mereka kehendaki.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Boleh-kah Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini menyatakan sa-hingga ini berapa yang telah di-serahkan kepada pehak bumiputra?

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan ranchangan yang di-serahkan itu ia-lah perusahaan kenderaan pengangkutan.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah perusahaan kenderaan yang di-serahkan oleh MARA kepada bumiputra ini kerana selalu-nya di-dapati kerugian sa-masa kenderaan itu dudok di-bawah MARA?

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Saya sudah jawab, Tuan Yang di-Pertua. Itu terpulang kepada bumiputra, sa-belum mereka mengambil ranchangan itu, mereka hendak-lah kaji sama ada memberi faedah kepada mereka atau tidak dan mana ranchangan yang di-ambil itu tentu-lah di-fikirkan ada memberi faedah kepada mereka.

SHARIKAT² KERJASAMA LUAR BANDAR

8. Wan Sulaiman bin Haji Wan Ibrahim minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan di-kalangan semua

sharikat² kerjasama di-kawasan² luar bandar, berapa bilangan yang telah berjaya sa-takat ini, mengikut negeri.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, tujuan atau pun konsep sharikat kerjasama ia-lah untuk menolong diri ahli masing² dan bukan-nya untuk menchari keuntungan. Mana² sharikat yang telah ditubuhkan maka tidak-lah boleh di-anggap sharikat itu maju atau tidak berdasarkan kapada keuntungan yang di-perolehi-nya. Mana² sharikat² yang memikirkan diri-nya tidak memberi faedah kapada ahli-nya, sharikat itu boleh di-tutup dengan sendiri dan mana² sharikat² yang maseh hidup, menunjukkan berguna kapada ahli-nya.

BALAI² RAYA JADI KHUTUB-KHANAH

9. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) berapa buah-kah Balai² Raya yang di-jadikan khutub-khanah di-mana buku² di-sediakan oleh pihak Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar;
- (b) jumlah buku² yang di-sediakan itu; dan
- (c) bagaimana-kah sambutan orang² kampung terhadap usaha demikian.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) 6 buah.
- (b) 400 jilid buku.
- (c) Sambutan sangat-lah baik.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan. Daripada 6 buah balai raya yang di-jadikan khutub-khanah ini di-mana-kah tempat-nya.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Boleh-lah saya jawab, kalau di-minta pada meshuarat yang lain.

GURU²—PARITI MASOK TANGGA-GAJI AZIZ

10. Dr Chen Man Hin (di-bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar atau tidak bahawa terdapat kehampaan dan tidak puas hati yang kian meningkat di-kalangan guru² saperti:

- (a) guru² DTC dan guru² dengan kelayakan Chinese Senior Middle III;

(b) guru² berkelulusan Maktab/berkelulusan Maktab Biasa yang telah memasoki Perkhidmatan Guru² yang di-Satukan atau yang di-lantek mengajar di-sekolah² Rendah;

(c) guru² Sekolah² Tamil dan China yang mempunyai kelulusan Sijil Persekolahan/Sijil Pelajaran Malaysia (MCE);

(d) guru² yang terlatah di-Maktab Perguruan Kota Bharu dan Maktab Perguruan Wanita Melaka; dan

(e) guru² yang mempunyai Sijil TTC Singapura;

sebab mereka tidak di-letak di-bawah Tangga-gaji II (a) di-dalam Perkhidmatan Guru² yang di-Satukan dan juga nyatakan sama ada Kerajaan akan memberi gaji pariti sa-belum mereka di-minta memasoki Tangga-gaji Aziz.

Menteri Pelajaran (Tuan Hussein bin Dato' Onn): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa ada sa-tengah daripada gulungan guru² yang di-sebutkan itu tidak puas hati. Walau bagaimana pun kedudukan guru² yang di-sebutkan itu ada-lah saperti berikut:

(a) Guru² lepasan Maktab Perguruan Harian (D.T.C.) yang mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia atau sa-taraf dengan-nya telah pun di-tempatkan di-dalam tangga-gaji Gred II (a) berikutan dengan pelaksanaan DTC/MTC pariti pada bulan September, 1971. Bagi guru² yang berkelayakan Chinese Senior Middle III, tuntutan mereka supaya di-tempatkan ka-dalam Gred II (a) baharu sahaja di-terima, ia-itu sa-lepas DTC/MTC pariti di-laksanakan. Perkara ini sedang mendapat pertimbangan Kementerian bersama² dengan tuntutan guru² yang lain.

(b) Berkenaan dengan soalan yang terkan-dong di-dalam perkara ini saya kurang faham tentang soalan ini. Jika Yang Berhormat itu bermaksud bahawa guru² berkelulusan Kursus Normal atau Maktab Perguruan Menengah tidak di-tempatkan di-dalam Gred II (a), ini ada-lah tidak benar. Guru² berkelulusan Kursus Normal atau Maktab Perguruan Menengah ada-lah di-tempatkan di-dalam Gred II (a). Bagi guru² daripada gulungan tersebut yang mengajar di-sekolah² rendah pula, mereka akan juga di-beri gaji di-dalam

tangga-gaji Gred II (a) jika mereka diarahkan mengajar di-sekolah² rendah. Tetapi jika mereka memilih dengan sendiri-nya untuk mengajar di-sekolah² rendah, mereka akan di-beri gaji di-dalam Gred III (x). Ini ada-lah mengikut peratoran² di-dalam U.T.S.

- (c) Bagi Guru² Bahasa Sendiri Tamil dan Guru² Bahasa Sendiri China (Vernacular Tamil and Chinese School Teachers) yang mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia atau sa-taraf dengan-nya jika mereka memasuki U.T.S., mereka akan di-tempatkan ka-dalam gred² yang tertentu mengikut kelulusan perguruan mereka. Jika guru² tersebut mempunyai kelulusan Maktab Perguruan Menengah atau sa-taraf dengan-nya mereka akan di-tempatkan di-dalam Gred II (a). Tetapi jika mereka mempunyai kelulusan T.U.O.S. (Trained Under Other Schemes) atau yang sa-taraf dengan-nya, mereka akan di-tempatkan dalam Gred III (x). Walau bagaimana pun, Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana saya nyatakan di atas tadi Kementerian saya sedang mengkaji perkara ini bersama² dengan tuntutan guru² yang lain.

- (d) Berkenaan dengan guru² lepasan Maktab Perguruan Kota Bharu yang mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia atau sa-taraf dengan-nya telah pun di-beri tangga-gaji Gred II (a) bersama² dengan pelaksanaan DTC/MTC pariti. Ini ada-lah kerana sukatan pelajaran perguruan di-Maktab Perguruan Kota Bharu ada-lah sa-rupa dengan sukatan pelajaran perguruan DTC. Bagi guru² yang lulus kursus perguruan daripada Maktab Perguruan Wanita Melaka, DTC/MTC pariti itu telah pun di-panjangkan kepada mereka mulai daripada gulungan penuntut² yang lulus peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran yang di-kelolakan oleh Lembaga Peperiksaan Kementerian Pelajaran pada tahun 1958 dan 1959 sa-masa berada di-Maktab tersebut dan sa-terus-nya mengikuti kursus perguruan sa-lama 3 tahun. Ini ada-lah kerana sukatan pelajaran perguruan tersebut ada-lah sama dengan sukatan pelajaran perguruan DTC. Sukatan pelajaran perguruan di-Maktab Perguruan Wanita Melaka sebelum 1959 itu ada-lah berlainan dari-

pada sukatan pelajaran DTC. Walau bagaimana pun, penempatan guru² ini sedang juga di-kaji oleh Kementerian saya.

- (e) Bagi guru² yang mempunyai Sijil TTC Singapura, tuntutan mereka untuk di-tempatkan di-dalam tangga gaji Gred II (a) sedang di-timbangkan bersama² dengan perkara² tersebut di-atas.

Tuan Yang di-Pertua, tuntutan² ini hendak-lah di-anggap berlainan dengan pelaksanaan Gaji Aziz yang telah di-laksanakan mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10 Tahun 1971 bertarikh 15hb Disember, 1971. Sa-bagaimana saya nyatakan sa-masa taklimat di-antara Kementerian Pelajaran dengan Kesatuan² dan Pertubuhan Guru pada 3hb hingga 7hb Disember, 1971 dahulu, saya sendiri akan meneliti perkara² yang di-bangkitkan oleh guru², termasuk memberi gaji pariti juga.

Bagi pengetahuan Ahli Yang Berhormat itu, saya sudah mula meneliti masaalah² ini.

Tuan V. Veerappan: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Boleh-kah Yang Berhormat Menteri Pelajaran memberitahu Dewan ini whether the Ministry still continues to recognise the Senior Middle III Certificate as equivalent to the Cambridge School Certificate as before, for the purposes of this exercise?

Tuan Hussein bin Dato' Onn: (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, that is precisely the matter that we are going into very carefully. As I have mentioned, I personally have gone and am still going into this matter. These are very important matters on which a decision will have to be made before long and we hope to give a decision early.

FILEM² MELAYU DI-TALIVISHEN MALAYSIA

11. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Tugas² Khas dan Menteri Penerangan menyatakan apa-kah usaha² yang telah di-jalankan oleh Kementerian supaya filem² Melayu yang membangkitkan semangat nasionalisma lebih banyak lagi di-tayangkan di-Talivishen Malaysia.

Menteri Tugas² Khas dan Menteri Penerangan (Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, kalau dengan perkataan "filem Melayu" itu Ahli Yang Berhormat dari Dungun bermaksud

filem² Melayu yang di-tayangkan menerusi TV dan yang di-keluarkan oleh sharikat perfileman tempatan, perkara ini terkeluar-lah daripada tanggungjawab Kementerian ini. Tambahan pula filem² Melayu yang di-tayangkan itu sudah berumur lebih daripada 5 tahun. Kalau-lah maksud Ahli Yang Berhormat itu filem² drama dalam bahasa Malaysia yang di-perbuat oleh TV dan Filem Negara ini sudah menjadi satu perkara yang di-ambil perhatian berat oleh Kementerian ini supaya sa-barang keluaran seperti ini mengandungi unsur² Rukunegara.

Baharu² ini Kementerian telah melantek sa-orang pegawai yang berpengalaman sabagai Ketua Bahagian Drama mulai 1hb November, tahun 1971 yang akan bertanggungjawab kepada keseluruhan-nya dalam perkara pengeluaran filem² drama dan di-harapkan angka² filem drama pengeluaran TV sendiri akan bertambah mulai pada bulan Mach, insha' Allah. Di-harapkan gambar, yang umpama-nya feature filem itu kita dapat buat sa-bulan sa-kali dan gambar setengah jam drama itu kita harapkan dapat di-buat tiap² minggu sa-kali dan dengan ini, maka di-harapkan dapat kita mengisi segala kehendak² apa yang di-bawakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

KENYATAAN TIMBALAN MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI MENGENAI SEJARAH DHARURAT

Timbalan Menteri Hal Ehwat Dalam Negeri (Tuan Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin membuat sedikit penjelasan mengenai Sejarah Dharurat oleh Enche' Anthony Short yang telah di-bangkitkan sa-masa soal jawab dalam Persidangan Dewan Ra'ayat kelmarin untuk mengelak apa kekeliruan yang mungkin timbul.

Enche' Anthony Short telah di-pilih untuk menulis Sejarah Dharurat atas perakuan daripada Naib Chancellor University Malaya. Pada masa itu Enche' Anthony Short ada-lah sa-orang Pensharah di-dalam Jabatan Tawarikh di-University Malaya.

Manuscript yang di-karang itu telah di-periksa oleh satu Jawatan-kuasa yang mengandungi Pegawai² yang tertinggi. Kerajaan bersetuju dengan Laporan Jawatankuasa tersebut supaya manuscript itu tidak diterbitkan kerana ada mengandungi perkara² yang menyalahi Undang² Penghasutan dan juga mengandungi dokumen² yang maseh lagi di-anggap sa-bagai Rahsia Besar Kera-

jaan. Atas kepentingan awam, Kerajaan telah membuat keputusan supaya manuscript ini tidak di-siarkan. Terima kasih.

RANG UNDANG²

RANG UNDANG² PERBEKALAN, 1972

Jawatan-kuasa Perbekalan

Atoran Urusan Meshuarat di-bachakan bagi menyambong sa-mula Perbahathan dalam Jawatan-kuasa Perbekalan (3hb Februari, 1972).

Majlis Meshuarat menjadi Jawatankuasa Perbekalan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*).

JADUAL

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Kepala B. 57—

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Dato' Haji Abdul Ghani Gilong): Dato' Pengerusi, saya ingin menyambong jawapan saya kepada tegoran² Ahli² Yang Berhormat kelmarin.

Ahli Yang Berhormat dari Mukah telah membangkitkan berkenaan dengan jalan raya daripada Kuala Oya ka-Mukah. Di-sini saya ingin-lah menerangkan yang pada masa ini Kerajaan telah pun memberikan peruntukan sa-banyak \$151,655 dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua ini, ia-itu daripada tahun 1971 sa-hingga 1975, ia-itu peruntukan ini ia-lah untuk menyambong pekerjaan ini, yang kita sudah buat dahulu dan rancangan pembinaan jalan raya ini kita akan anggar boleh siap dalam tahun 1972. Kerja² membaiki jalan raya Kuala Oya akan di-jalankan sa-panjang tahun ini dan sa-jumlah \$1,300,000 di-untukkan.

Berkenaan dengan kenyataan Ahli Yang Berhormat dari Bungsar bahawa jalan² raya di-antara Kuala Lumpur dan Singapura dan juga di-kawasan Kuala Lumpur tidak di-baiki langsung semenjak kemerdekaan kita. Di-sini sukachita saya menyatakan bahawa semenjak kemerdekaan kerja² membaiki di-beberapa bahagian jalan raya Kuala Lumpur ka-Singapura telah pun di-jalankan. Walau bagaimana pun Kerajaan ada-lah sedar kepada perlu-nya bagi menjalankan kerja² besar untuk memperbaiki lagi atau dalam bahasa Inggeris-nya: to carry out drastic major improvement or new alignment, bukan sahaja untuk jalan raya dari Kuala Lumpur ka-Singapura, tetapi juga di-

jalan raya di-antara Kuala Lumpur dan sapanjang negeri Thai. Oleh yang demikian Kerajaan kita telah menjalankan satu General Transportation Survey dalam tahun 1967 bagi mengkaji semua keperluan dalam semua aspek pengangkutan dan untuk kesejahteraan negara kita.

Sa-bagai akibat pengkajian ini dan recommendation yang telah di-kemukakan beberapa projek telah di-tentukan bagi kajian kemungkinan yang lebeh lanjut dan ini telah di-jalankan. Sa-bahagian daripada projek² ini seperti Jalan Raya Utara-Selatan, Petaling Jaya/Kuala Lumpur dan Kuala Lumpur/Karak telah pun siap. Kajian kemungkinan penuh bagi jalan raya utara-selatan telah siap dan reka-bentuk bagi satu jalan baharu empat jalor di-antara Kuala Lumpur dan Seremban telah di-mulakan.

Telah di-mulakan juga ia-lah kerja² bagi mengubah Jalan Raya Petaling Jaya/Kuala Lumpur kepada satu jalan enam jalor dan di-bahagian² tertentu jalan ini akan di-lengkapkan kepada enam jalor. Jalan baharu ini akan termasuk pembinaan lapan inter-changes. Sa-bagai satu langkah bagi melangsungkan kesebukan keadaan trafik dalam kawasan Kuala Lumpur satu sistem through-route mulai dari pusat bandar Kuala Lumpur telah di-lanjutkan kepada jalan besar di-utara Kampong Batu. Di-bahagian selatan-nya kerja-nya sedang di-jalankan daripada Jalan Birch kepada Jalan Cheras. Kerja ini melibatkan beberapa pembinaan viaduct di-atas jalan raya, jalan keretapi dan sungei yang ada sekarang. Kerja² juga sedang di-jalankan dari sempadan Majlis Bandaran ka-Cheras, dalam kerja² bagi mengubah Jalan Cheras kepada satu jalan Cheras-empat-jalor.

Sa-bagai satu langkah forward planning juga, kerja penyiasatan bagi jalan² di-outer ring sa-bagai satu bahagian sistem jalan² raya dan kawasan² sa-keliling Kuala Lumpur akan di-mulakan tidak lama lagi.

Berkenaan dengan jalan raya di-lain² tempat, Bahagian Jalan di-Ibu Pejabat J.K.R. telah menyimpan semua rekod² jumlah lalu-lintas di-semua jalan di-negeri kita semenjak tahun 1967.

Penyiasatan jumlah lalu lintas telah di-jalankan dua kali sa-tahun di-tempat² yang penting di-seluruh negeri. Daripada penya-

satan ini dan dengan chara statistical procedure ramalan keperluan lalu lintas yang akan datang dapat di-perbuat. Ramalan ini akan dapat menolong Jabatan ini dalam menentukan masa bagi melaksanakan kerja² memperbaiki jalan. Jabatan Kerja Raya telah sentiasa menjalankan satu proses bagi menentukan kekurangan² jalan raya supaya tindakan dapat di-ambil dengan segera.

Ahli Yang Berhormat dari Bungsar juga telah menyentuh fasal bekalan ayer di-Kuala Lumpur. Sukachita saya mema'alomkan Ahli² Yang Berhormat bahawa kenyataan Ahli Yang Berhormat dari Bungsar itu berkenaan dengan kekurangan bekalan ayer di-Kuala Lumpur bukan-lah satu statement yang benar. Memandangkan kemajuan perindustrian yang luar biasa di-Kuala Lumpur dan Petaling Jaya pada beberapa tahun yang lepas mungkin-lah telah terdapat beberapa kejadian kekurangan ayer istimewa di-musim kemarau. Walau bagaimana pun terdapat beberapa kejadian ini juga, tindakan sedang di-ambil bagi menghapuskan-nya dan ini akan terchapai apabila bekalan ayer tambahan untuk Kuala Lumpur akan siap.

Kerja² bagi Perunding. Berkenaan dengan chara bagaimana JKR melantek perunding² bagi projek²-nya yang telah di-soalkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, sukachita saya menyatakan bahawa apabila JKR memberi kerja kepada berbagai² jurutera perunding, timbangan telah di-beri supaya kerja² itu dapat di-bahagikan kepada semua firma² yang mempunyai kebolehan, keistimewaan, kecekapan dan pengetahuan. Walau bagaimana pun, pada masa ini terdapat sa-buah Jawatankuasa Pusat yang memberi kerja² kepada jurutera perunding dan prinsip² yang telah di-ikuti sa-masa memberi kerja² ini ada-lah mengikut kebijaksanaan pakar², kebolehan dan commitment of the firms yang berkenaan.

Berkenaan dengan soal Ahli Yang Berhormat dari Bungsar itu juga berkaitan dengan Jabatan di-Jalan Klang Lama sukachita saya mema'alomkan bahawa jambatan ini sa-benar-nya ada-lah satu projek Kerajaan Negeri. Tetapi walau bagaimana pun saya sedar bahawa seluruh reka bentuk dan lukisan² kerja telah pun siap dan dokumen² tawaran sedang di-sediakan pada masa ini.

Kerja² bagi membena ada-lah terpaksa di-mulakan dalam tiga empat bulan juga.

Ahli Yang Berhormat dari Kulim Utara menyebut fasal Jalan Raya East/West Highway. Bagi menjawab Ahli Yang Berhormat itu, sukachita saya menyatakan bahawa tempoh pelaksanaan Jalan Timor Barat akan di-cheptakan mulai daripada pertengahan akhir tahun ini apabila semua alat² jentera besar telah di-terima. Saperti yang saya telah katakan beberapa kali dalam Dewan ini jalan ini mungkin akan dapat digunakan lalu lintas pada tahun 1976.

Ahli Yang Berhormat dari Besut telah menyentoh berkenaan dengan jambatan di-Sungai Besut. Kapada Ahli Yang Berhormat itu saya sukachita menyatakan bahawa Kementerian saya sedar tentang keperluan bagi mengadakan satu jambatan lain yang menyeberangi Sungai Besut. Ketetapan jambatan baharu ini sedang di-kaji oleh Kementerian saya, dan jambatan baharu ini akan di-bena di-mana yang kita fikirkan berfaedah kapada orang² tempatan dan juga kapada lalu lintas.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun menyentoh fasal jalan raya dari Kuala Lumpur ka-Katari. Kajian² kemungkinan bagi satu jalan baharu daripada Kuala Lumpur ka-Katari telah pun siap dan telah menunjukkan bahawa jalan itu ada-lah menguntungkan dari segi ekonomi atau pun economically viable.

Reka bentuk bagi jalan baharu ini dengan bertaraf moden atau pun modern standard, termasuk pembinaan satu tembusan sepanjang 300 kaki panjang-nya di-Genting akan di-mulakan tidak lama lagi. Projek ini akan di-jangka siap dalam tahun 1976.

Jambatan di-Dungun. Berkenaan dengan jambatan Dungun ini Ahli Yang Berhormat itu telah membangkitkan, ia-itu telah rosak akibat banjir. Sukachita-lah saya memberi jaminan kapada Ahli Yang Berhormat bahawa jambatan ini boleh-lah di-gunakan bagi satu hala lalu lintas dan jambatan ini tidak akan runtuh. Kerja² membaiki ada-lah sunggoh complicated, tetapi reka bentuk telah pun siap dan special high tension prestressing material telah pun di-pesan dan kerja-nya akan di-mulakan dalam bulan Mei oleh sebab bahan² itu akan di-bekalkan dari luar negeri. Sekian.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$51,598,493 untuk Kepala B. 57 di-perintah menjadi sa-bahagian daripada Jadual.

Fasal 1 dan 2—

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan pindaan kapada fasal² ini ya'ani dengan menambah Fasal 3 yang baharu sa-bagai-mana yang telah di-bentangkan kapada Majlis ini.

Pindaan-nya ada-lah saperti berikut:

Fasal baharu 3: Tambahan Fasal baharu 3 yang berikut:

Pindaan bagi Akta A 94.

3. Jadual kapada Akta Kumpulan Wang Di-satukan (Perbelanjaan Masok Akaun), 1971, ada-lah dengan ini di-pinda—

- (a) dengan menggantikan tajok "Kementerian Pertanian dan Tanah" yang terdapat bersementangan dengan Kepala B. 13 dengan tajok "Kementerian Pertanian dan Perikanan";
 - (b) dengan menggantikan tajok "Kementerian Pengangkutan" yang terdapat bersementangan dengan Kepala B. 49 dengan tajok "Kementerian Perhubungan"; dan
 - (c) dengan menggantikan tajok "Kementerian Kerja Raya, Pos dan Talikom" yang terdapat bersementangan dengan Kepala B. 57 dengan tajok "Kementerian Kerja Raya dan Tenaga."
- (a) Gantikan tajok "Kementerian Pertanian dan Tanah" yang terdapat bersementangan dengan Kepala B. 13 dengan tajok "Kementerian Pertanian dan Perikanan";
 - (b) Gantikan tajok "Kementerian Pengangkutan" yang terdapat bersementangan dengan Kepala B. 49 dengan tajok "Kementerian Perhubungan";
 - (c) Gantikan tajok "Kementerian Kerja Raya, Pos dan Talikom" yang terdapat bersementangan dengan Kepala B. 57 dengan tajok "Kementerian Kerja Raya dan Tenaga".

Jadual:

New Clause 3:
Amendment of Act A 94.

Add the following new Clause 3:
3. The Schedule to the Consolidated Fund (Expenditure on Account) Act, 1971, is hereby amended—

- (a) by substituting the title "Kementerian Pertanian dan Perikanan" for the title

"Kementerian Pertanian dan Tanah" appearing against the Head B. 13;

(b) by substituting the title "Kementerian Perhubungan" for the title "Kementerian Pengangkutan" appearing against the Head B. 49; and

(a) by substituting the title "Kementerian Kerja Raya dan Tenaga" for the title "Kementerian Kerja Raya, Pos dan Talikom" appearing against the Head B. 57."

Schedule

(a) Substitute the title "Kementerian Pertanian dan Perikanan" for the title "Kementerian Pertanian dan Tanah" appearing against the Head B. 13;

(b) Substitute the title "Kementerian Perhubungan" for the title "Kementerian Pengangkutan" appearing against the Head B. 49; and

(c) Substitute the title "Kementerian Kerja Raya dan Tenaga" for the title "Kementerian Kerja Raya, Pos dan Talikom" appearing against the Head B. 57.

Pindaan di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Fasal 1 hingga 3 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² (PERBADANAN) LEMBAGA KEMAJUAN PERUSAHAAN (PINDAAN)

Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga

Atoran Urusan Meshuarat di-bachakan bagi menyambong sa-mula Perbahathan atas masaalah "Bahawa Rang Undang² ini di-bachakan kali yang kedua sekarang". (10hb Januari, 1972).

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, mengenai Rang Undang² (Pindaan) ini hanya ada dua orang Ahli Yang Berhormat sahaja yang telah membahatkan ia-itu Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor dan juga Ahli Yang Berhormat dari Seremban Timor, tetapi perkara² yang di-timbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban Timor itu telah di-terangkan

di-dalam Dewan ini beberapa kali melalui berbagai² saluran, antara-nya soalan² Oral Question, maka saya tidak berasa tidak-lah payah saya membuat penjelasan lagi sa-bagai jawapan-nya, kerana telah di-jawab melalui chara² yang lain dalam Majlis ini.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*).

Fasal 1 hingga 4 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² PILEHANRAYA (PINDAAN)

Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, Dewan ini mungkin ingat lagi bahawa dalam masa persidangan-nya yang pertama sa-lepas pengantongan Parlimen berikutan dengan terchetus-nya kekachauan 13hb Mei, 1969, Dewan telah mengesahkan Ordinan No. 45 (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1970 yang berkenaan dengan larangan terhadap mempersoalkan perkara² sensitif. Dewan tentu maseh ingat lagi bahawa antara pindaan yang telah di-buat kepada Perlembagaan dalam persidangan itu ia-lah pindaan kapada Perkara 10 Perlembagaan yang membolehkan Parlimen membuat undang² mengenai perkara yang sa-rupa sa-bagaimana yang terkandung dalam Ordinan No. 45 (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1970. Maksud dan tujuan membuat undang² ini ia-lah untuk mengelak dan menchegeh berulang-nya kekachauan sa-umpama itu dengan meng-haramkan perkara² perkauman dan perkara² sensitif daripada di-binchangkan di-khalayak ramai.

Ahli Yang Berhormat tentu sedia ma'alum bahawa dalam sa-suatu masharakat yang berbilang kaum, soal ugama ada-lah juga sensitif dan boleh memecah belahkan ra'ayat. Eksploitasi terhadap ugama ada-lah

lebih merbahaya daripada eksploitasi terhadap perkara² perkauman dan perkara² sensitif. Eksploitasi terhadap ugama boleh mendatangkan bahaya terutama sa-kali dalam sa-suatu pilehanraya. Dalam erti kata yang lain, jika eksploitasi terhadap ugama berleluasa dalam ucapan² atau simbol² dalam pilehanraya boleh mendatangkan bahaya kapada keamanan dan keselamatan negara.

Sedar akan masaalah ini sa-bagaimana yang telah saya perkatakan, Kerajaan telah memutuskan bahawa untuk melaksanakan kesemua langkah² yang telah saya sebut terdahulu dalam ucapan saya, ada-lah perlu supaya suatu pindaan di-buat kapada Ordinan Pilehanraya, 1958 untuk memberi kuasa kapada Surohanjaya Pilehanraya untuk tidak meluluskan apa² simbol yang berkaitan dengan mana² ugama atau yang berkaitan dengan mana² mazhab bagi mana² ugama atau apa² simbol yang tidak selaras dengan kehendak² tata-susila atau kesuchian moral. Menurut undang² mengenai pilehanraya yang ada, Surohanjaya Pilehanraya boleh, di-bawah seksyen 16 Akta Pilehanraya, 1958, dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong, membuat peratoran² bagi perjalanan pilehanraya untuk Dewan Ra'ayat dan Dewan Negeri dan bagi semua perkara yang bersangkutan dengan-nya. Menurut seksyen itu Surohanjaya Pilehanraya telah membuat peratoran² ia-itu Peratoran² (Penjalan Pilehanraya) Pilehanraya, 1959. Menurut perenggan 11 peratoran² itu, Surohanjaya Pilehanraya boleh memberikan sa-suatu simbol kapada mana² chalun atau sa-bagai ganti bagi sa-suatu simbol yang diberikan itu, pegawai pengurus hendak-lah atas permintaan chalun itu, memberikan kapada-nya suatu simbol parti. Sayugia di-ingati bahawa di-bawah undang² yang ada Surohanjaya Pilehanraya tidak mempunyai kuasa untuk menolak sa-suatu simbol yang melambangkan sa-suatu ugama atau yang berkaitan dengan mana² ugama. Rang Undang² ini bertujuan untuk memberi kuasa tambahan kapada Surohanjaya Pilehanraya untuk membuat peratoran² yang mengadakan peruntukan mengenai achara berkenaan dengan meluluskan mana² simbol dan juga untuk mengadakan peruntukan yang nyata bahawa Surohanjaya Pilehanraya tidak akan meluluskan apa² simbol yang berkaitan dengan mana² ugama atau mana² mazhab bagi sa-suatu ugama atau sa-suatu simbol

yang tidak sa-laras dengan kehendak² tata-susila atau kesuchian moral.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadang.

Dato' Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda (Kota Bharu Hulu): Tuan Yang di-Pertua, di-hadapan kita ini terbentang suatu Rang Undang² bernama suatu Akta bagi meminda Akta Pilehanraya, 1958. Sejak Rang Undang² ini di-bentangkan di-dalam Rumah yang bertuah ini untuk bacaan kali yang pertama, sudah mula kedengaran suara umum mengatakan bahawa Rang Undang² ini ia-lah sa-benar-nya Rang Undang² untuk PAS.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri baharu sa-bentar tadi telah memberi hujah² yang serba ringkas berkenaan dengan Rang Undang² ini dengan menarek kembali perhatian Rumah yang mulia ini kapada Ordinance 45 (Kuasa² Perlu) Dharurat 1970 ia-itu suatu Ordinan yang menegah daripada memperkatakan soal² perkauman dan soal² sensitif di-hadapan umum bagi mengelakkan berlakunya satu lagi peristiwa yang terkutuk 13 Mei. Beliau juga menyatakan bahawa eksploitasi ugama lebih merbahaya kapada negara daripada eksploitasi di-bidang² yang lain. Baiklah, Tuan Yang di-Pertua, hal ini akan di-terangkan kemudian, kini saya mohon untuk menyatakan di-dalam Rumah yang mulia ini satu-persatu pandangan² dari segi undang² itu dari pehak kami.

Di-dalam Akta ini, Tuan Yang di-Pertua, di-adakan suatu perenggan baharu dengan tujuan untuk memberi kuasa kapada Surohanjaya Pilehanraya untuk menolak sa-barang lambang atau simbol yang mempunyai dua sifat:

- (i) lambang atau simbol yang berkaitan dengan mana² ugama atau mazhab-nya; dan
- (ii) yang berchanggha dengan tata-susila atau kesuchian moral—saya pinjam kalimah yang di-berikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Saya rasa perbahathan ini akan lebih ranchak kalau kita asingkan dua perkara ini: simbol atau lambang yang ada berkaitan

dengan mana² ugama dan simbol atau lambang yang berchanggih dengan tata-susila atau tata-sila dan kesuchian moral.

Tuan Yang di-Pertua, di-dalam sejarah politik dunia ini, pernah berlaku simbol² yang ada kaitan dengan ugama di-gunakan oleh sa-bahagian daripada parti² politik di-dalam beberapa buah negara. Di-benua Eropah sendiri ada parti² politik yang bersandarkan ideologi politik-nya kepada fahaman ugama telah pun mempergunakan tanda² yang ada kaitan dengan ugama ini sa-bagai simbol-nya terutama sa-kali saperti Parti Keristian Demokrat atau sa-bagai-nya di-sabelah Eropah mereka telah merangkumkan tanda Salib di-dalam simbol parti-nya. Demikian juga hal saperti ini telah di-dapati di-negeri² di-sabelah timor saperti di-Indonesia di-mana terdapat parti keristian dan juga parti catholic mempergunakan tanda Salib di-dalam simbol atau lambang parti-nya untuk pilehanraya. Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, parti² atau pertubohan² yang berpijak di-atas perinsip dan konsep Islam tidak mempunyai sa-barang simbol yang boleh di-ta'arifkan sa-bagai simbol yang berkaitan dengan ugama, walau bagaimana pun sa-bahagian besar daripada parti² itu sa-chara kebetulan menggunakan simbol bulan bintang ya'ani bulan sabit dan sa-buah bintang di-atas-nya sa-bagai simbol parti itu.

Di-Indonesia mithalan-nya terdapat banyak parti² politik Islam yang menggunakan simbol itu tetapi tidak semua-nya menggunakan bulan bintang itu. Ada parti² politik Islam yang terbesar sekarang ini tidak menggunakan simbol bulan bintang sa-bagai simbol parti. Sa-buah parti politik Islam yang terkenal di-Pakistan yang di-pimpin oleh sa-orang ulama yang terkenal ia-itu Maulana Abul-A'ala Maududi tidak pernah menggunakan simbol bulan bintang ini sama ada untuk tanda pilehanraya-nya atau pun untuk lambang parti-nya sa-chara umum. Ini ia-lah, Tuan Yang di-Pertua, di-sebabkan di-dalam sejarah Ugama Islam itu sendiri tidak pernah terdapat sejak dahulu sa-hingga sekarang ini sa-barang ketetapan ketentuan atau keputusan yang di-buat oleh mana² perhimpunan umat Islam atau mana² fatwa ulama² atau persidangan ulama yang menentukan bahawa bulan bintang itu adalah simbol Ugama Islam atau mempunyai kaitan atau hubungan-nya dengan ugama

Islam atau pun mana² mazhab dari ugama Islam itu sendiri.

Mari-lah, Tuan Yang di-Pertua, kita chuba lihat dari segi sejarah lagi.

Tentang lambang bulan bintang ini di-gunakan sa-bagai bendera negara² Islam. Dari segi sejarah negara Turkey-lah di-antara negeri² Islam yang mula² sa-kali menggunakan lambang bulan bintang di-atas bendera-nya kemudian di-ikuti oleh beberapa negara Islam yang lain. Sa-waktu itu tidak-lah dapat kita salahkan kerana kerajaan Turkey di-dalam zaman kemegahan-nya merupakan pusat kekuasaan dan kebudayaan umat Islam sebab itu apa jua perbuatan negeri Turkey pada masa itu telah di-tiru oleh kebanyakan negeri² Islam yang lain dan sampai sekarang ini pun maseh ada kesan²-nya. Walau bagaimana pun, Tuan Yang di-Pertua, tradisi itu makin lama makin pudar, makin kabor lebeh² lagi di-zaman sains dan teknologi banyak kita dapati negara umat Islam tidak lagi menggunakan lambang bulan bintang itu di-atas bendera-nya. Negara² saperti Yaman, Syria, Republik Arab Mesir, Jordan, Morocco hatta negara Saudi Arabia sendiri tidak menggunakan lambang bulan bintang itu sa-bagai tanda kehormatan di-atas bendera-nya atau sa-bagai tanda untuk menjunjukkan negeri itu sa-bagai negeri Islam. Pada hal di-samping itu, Tuan Yang di-Pertua, terdapat pula negara yang bukan negara Islam menggunakan lambang bulan bintang di-atas bendera-nya saperti Singapura. Dengan yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, amat-lah sulit untuk kita menterjemahkan sa-suatu lambang itu kepada apa yang di-katakan kaitan-nya dengan ugama atau mazhab²-nya kechuali lambang salib yang telah dengan rasmi-nya di-aku² sa-bagai lambang ugama Nasrani.

Tuan Yang di-Pertua, bila kita melihat kepada Rang Undang² yang ada di-hadapan kita ini kita akan bertanya, apa-kah yang tersirat di-sebalek yang tersurat di-dalam Rang Undang² ini? Kalau soal ini kita kemukakan kepada pehak Kerajaan, jawapan-nya, ia-lah saperti apa yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri atau pun dengan suatu kalimah yang lain. Mungkin Yang Berhormat Menteri² atau pehak Kerajaan akan memberikan suatu jawapan bahawa tiada sa-barang niat burok atau niat² politik di-sebalek

Rang Undang² ini tujuan-nya sa-mata² untuk mencapai kelichinan dan keharmonian di-dalam perjalanan sa-suatu pilehanraya.

Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, amat-lah sulit bagi ra'ayat, sa-kurang²-nya bagi sa-tengah juta pengundi² PAS di-dalam pilehanraya 1969 untuk menerima jawapan itu tanpa penjelasan yang lebeh konkerit. Kita terpaksa kembali kepada rintisan sejarah perjuangan politik di-dalam negeri ini. Suatu masa dahulu ahli² UMNO telah menggugat Kerajaan, ahli² UMNO telah menggugat pemimpin² mereka supaya kalimah "Allah dan Muhammad" yang ditulis di-atas bendera PAS itu di-lenyapkan.

Hasil daripada gugatan ahli² dan pemimpin² kechil UMNO itu kalimah "Allah dan Muhammad" di-atas bendera PAS itu dan juga di-dalam lenchana atau badge PAS itu telah di-haramkan oleh Kerajaan. Kemudian daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, lahir lagi suara² sumbang, baik di-perengkat sa-bahagian dari Chawangan² dan Bahagian² UMNO atau di-perengkat Meshuarat Agong UMNO sendiri supaya Kerajaan mengharamkan simbol bulan bintang PAS yang menjadi lambang PAS di-dalam pilehanraya. Ini sudah tentu-lah Tuan Yang di-Pertua, menimbulkan suatu kesulitan bagi pemimpin² Kerajaan sendiri untuk menolak-nya dengan bagitu sahaja. Sebab suara² sumbang itu burok atau baik-nya datang dari kalangan orang² Kerajaan sendiri.

Kemudian daripada itu pada masa² yang akhir ini, Tuan Yang di-Pertua, pehak Pendaftar Pertubohan Malaysia yang di-dalam surat-nya memakai Bilangan (73) dlm. RSM 26/52 bertarikh 4hb Ogos, 1971 dengan tegas-nya telah menyatakan antara lain: 'Bulan bintang ada-lah juga di-gunakan di-atas bendera beberapa negara Islam dan juga menjadi suatu lambang di-masjid² di-dalam Persekutuan, oleh itu lambang bulan bintang ini boleh di-anggap saperti lambang Ugama Islam dan dengan ini bulan bintang dan Islam, pada pendapat umum, ada-lah sama'—saya ulangi sa-kali lagi: 'oleh itu lambang bulan bintang ini boleh di-anggap saperti lambang Ugama Islam dan dengan ini bulan bintang dan Islam, pada pendapat umum, ada-lah sama.' Ini terkandung di-dalam surat yang di-kirim oleh Pendaftar Pertubohan kepada PAS sa-waktu PAS mengemukakan beberapa pindaan baharu kepada Undang² Tuboh-nya termasuk untuk

merangkumkan di-dalam undang² tuboh itu bentok bendera dan lambang bulan bintang yang memang di-gunakan oleh PAS di-dalam pilehanraya supaya di-rangkumkan dalam Undang² Tuboh-nya sendiri. Jadi, bila kita melihat kepada rintisan² sejarah ini "Allah Muhammad" di-haramkan, orang² UMNO menyuarakan supaya bulan bintang di-haramkan, Pendaftar Pertubohan mengeluarkan surat menyatakan bulan bintang itu sama dengan Islam. Hari ini sampai-lah kepada kemunchak-nya, Dato' Yang di-Pertua, telah sampai-lah kepada kemunchak yang di-atas sa-kali. Pertentangan antara desakan sentimen pengikut² dengan pertimbangan yang rasional dari kebijaksanaan pemimpin². Dan dengan ujud-nya Rang Undang² ini di-dalam Dewan yang bertuah ini, sa-kali lagi sentimen dapat menguasai segala²-nya.

Maka nyata-lah, Dato Yang di-Pertua, bahawa Rang Undang² ini mempunyai motif dan tujuan yang nyata terhadap bulan bintang yang menjadi lambang PAS dalam pilehanraya, walau pun tidak di-sebutkan dalam Akta yang ada di-hadapan kita ini, sa-kurang²-nya untuk masa ini. Dapat-kah Kerajaan menafikan jika ra'ayat membuat tuduhan bahawa Kerajaan terburu nafsu dan terlalu takut menghadapi kenyataan? Dapat-kah Kerajaan menafikan kalau orang menuduh bahawa Kerajaan sedang mengidap penyakit phobia bulan bintang?

Dato Yang di-Pertua, PAS mempertahankan bulan bintang sa-bagai simbol-nya, bukan-lah kerana ada kaitan-nya dengan ugama atau kerana akidah-nya, sebab menurut Islam sa-barang lambang yang berjisim tidak boleh di-sifatkan sa-bagai lambang akidah-nya atau keperchayaan-nya. Di-dalam sejarah Nabi Muhammad s.a.w. telah berlaku kejadian di-ketika hendak mengebumikan jenazah Ibrahim, anakanda Rasullah s.a.w., telah timbul sangkaan orang ramai bahawa gerhana yang terjadi pada waktu itu ada-lah akibat dari wafat-nya Ibrahim. Maka Rasullah s.a.w. telah menolak sangkaan itu dan menerangkan bahawa gerhana itu hanya-lah suatu kebetulan dan tidak ada kena-mengena dengan kematian anak-nya bahkan perjalanan matahari dan bulan itu ada-lah termasuk di-dalam lingkungan tanda² di-dalam kekuasaan Allah subhana huwa ta'ala. Di-dalam Al-Quran Tuhan ada memberikan

amaran supaya manusia jangan terkeliru mengaitkan chekerawala² dengan akidah ke-tuhanan. Firman Tuhan dalam ayat 37 dalam surah sejadah yang bermaksud: "Dan di-antara tanda² kekuasaan-nya ia-lah malam dan siang, matahari dan bulan, sebab itu jangan-lah kamu sujud kepada matahari dan tidak pula kepada bulan, melainkan sujud-lah kepada Allah yang menjadikan semua-nya itu jika sa-benar-nya kamu menyembah kepada-nya." Timbul persoalan sekarang ini kalau tidak-lah bulan bintang itu ada kaitan-nya dengan ugama, kenapa PAS mempertahankan simbol bulan bintang itu, pada hal kita semua yakin dan kita mesti yakin bahawa tidak ada kaitan-nya bulan bintang dengan ugama.

PAS mempertahankan ia-lah kerana: Yang pertama oleh kerana tidak ada kaitan-nya dengan ugama atau dengan akidah, maka PAS sa-bagai parti politik mempertahankan bulan bintang sa-bagai simbol-nya.

Yang kedua, dari segi akidah, PAS terpaksa mempertahankan bulan bintang sa-bagai lambang pilihanraya parti politik PAS supaya jangan ada orang ramai terutama-nya orang² UMNO dan pehak Kerajaan sendiri sesat dengan anggapan bahawa bulan bintang itu simbol ugama, supaya jangan orang ramai terutama-nya orang² UMNO dan pehak Kerajaan sendiri sesat dengan anggapan bahawa bulan bintang itu simbol ugama.

Yang ketiga, simbol bulan bintang telah di-gunakan oleh PAS ini semenjak ujud-nya pilihanraya² sa-lepas merdeka dan semenjak itu tidak pernah berlaku sa-barang kekeliruan, atau suatu kejadian yang mero-sakkan ketenteraman tata-susila, kesuchian moral atau sa-bagai-nya.

Yang keempat, simbol bulan bintang PAS sama-lah nilai-nya dengan simbol parti² politik yang lain dan tidak lebih dari itu.

Dato' Yang di-Pertua, sekarang mari kita berpindah sa-bentar untuk menilai sa-jauh mana kekuasaan (power) yang ada di-dalam Rang Undang² ini. Tadi kita berchakap dari segi simbol yang ada kaitan dengan ugama dan mazhab²-nya. Sekarang kita berchakap pula dari sudut yang kedua ia-itu simbol atau pun lambang yang di-anggap berchanggh dengan tata-susila, atau kesuchian moral atau dalam bahasa Undang² di-sebutkan di-sini ia-lah: incompatible with good order or morality. Dari sudut ini pada dasar-nya memang-lah

menasabah, memang-lah tidak ada siapa yang akan dapat menafikan di-mana tidak baik-nya jika di-buat suatu Undang² untok menjaga ketertipan agar jangan lahir dari wajah simbol itu suatu perterjemahan atau pengertian yang boleh membawa kapada berchanggh dengan kesopanan, tata-susila, kesusilaan, akhlak atau kesuchian moral, chuma yang harus menjadi sedikit sa-banyak perbahathan ia-lah apa-kah istilah tata-susila dan kesuchian moral (good order or morality) itu sendiri.

Perkataan istilah "good order or morality" ini mengandongi suatu pengertian yang amat luas jika tidak di-beri ta'arif atau definisi yang spesifik di-dalam linkongan-nya sendiri. Barangkali lebih senang tindakan di-ambil oleh Surohanjaya Pilihanraya jika ada parti yang mengemukakan simbol-nya gambar tulang bersilang dengan tengkorak manusia di-atas-nya, sebab yang biasa pada sa-bilang zaman yang memakai simbol saperti itu adalah perompak atau penyamun. Chuma pada masa yang akhir² ini ada Jabatan Keselamatan Jalan Raya menggunakan simbol tengkorak pada selekoh² yang merbahaya, atau simpang² jalan yang sering berlaku kemalangan sa-bagai tanda amaran. Ini senang pehak Surohanjaya itu untok menolak-nya sebab nyata kalau menggunakan simbol tulang bersilang tengkorak di-atas, simbol ini ia-lah simbol perompak dan penyamun, tetapi bagaimana, Dato' Yang di-Pertua, jika ada parti yang baharu lahir mengemukakan simbol-nya dengan gambar wanita separoh bogel. Sudah tentu parti itu mempunyai alasan²-nya sendiri, sa-tidak²-nya mungkin untok menarek pengundi² di-kalangan mudamudi, mithal-nya. Apa-kah ini dengan sertamerta dapat di-ta'ariffkan oleh Surohanjaya Pilihanraya di-dalam pengertian "incompatible with good order or morality", sedangkan pehak yang berkuasa dalam beberapa hal tidak dapat bertindak terhadap sa-tengah² filem atau buku² kuning di-sebabkan pengertian kuning atau luchah itu maseh dapat di-persoalkan lagi.

Ada kawan saya menyatakan pagi tadi, tetapi tidak sempat saya melihat, ada berita dalam sa-buah surat khabar konon-nya kalau pertunjukan tidak menutup bahagian atas atau topless pun tidak termasuk dalam istilah luchah dan ini boleh di-tunjokkan dalam negeri ini. Jadi, meletakkan ayat yang berchanggh dengan tata-susila dan kesuchian akhlak tanpa sa-suatu ta'arif yang jelas boleh

menimbulkan kekeliruan yang mungkin juga boleh menyebabkan berlaku-nya sa-barang penyalahgunaan kuasa.

Jadi, Dato' Yang di-Pertua, walau pun kita menyatakan bahawa bahagian ini untuk menjaga berlaku-nya sa-barang simbol yang chabul yang boleh merosakkan tata-susila dan kesucian akhlak patut-lah juga di-berikan satu ta'arif yang spesifik terhadap perkataan good order atau morality yang ada dalam Undang² ini. Di-samping itu Undang² ini akan bertambah baik. Kalau tidak ada perkataan ".connected with any religion or sect thereof or . . .". Kalau tidak ada perkataan² itu, tentu tidak menjadi persoalan politik lagi.

Seperkara lagi, Dato' Yang di-Pertua, bahawa tidak-lah dapat di-nafikan ada-nya kesamaran² dan pertentangan² di-dalam satu² Undang² dan antara satu Undang² dengan Undang² yang lain terhadap sa-suatu masaalah yang sama, mithal-nya Fasal 3 dalam Akta ini menyebutkan:

"Mana² kelulusan yang di-beri di-bawah peratoran 11(2)(d) dalam Peratoran² Pilehanraya (Penjalanan Pilehanraya), 1959 mengenai sa-suatu simbol sa-belum sahaja Akta ini mula berkuatkuasa, jika simbol tersebut ada-lah bertentangan dengan sharat kapada sekshen baharu 16 (2) (bb), ada-lah tidak sah."—(be invalid).

Akan timbul persoalan ini apa-kah apabila sahaja Akta ini di-luluskan oleh kedua² Dewan Parlimen dan kemudian di-sahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong maka Surohanjaya Pilehanraya dengan serta-merta mengkaji dan menyemak semua simbol parti yang berdaftar dengan Surohanjaya Pilehanraya itu dan apabila keputusan di-dapati bahawa simbol "Parti A" ada-lah bertentangan dengan sharat² kapada section 16 (2) (bb) maka simbol itu dengan serta-merta di-anggap tidak sah, pada hal 24 jam sa-sudah itu penamaan chalon pilehanraya kechil berlaku dan pegawai penyelia pilehanraya dengan serta-merta terpaksa berhak menolak terus simbol Parti A yang lama itu kerana ia-nya ada-lah tidak sah. Kalau inilah yang akan berlaku hasil dari pentafsiran Fasal 3 ini maka nyata-lah ada samar² dan tidak dapat memenohi fungsi-nya sa-bagai Undang². Dengan demikian, suatu peruntokan sama ada di-dalam Akta ini atau mana² Akta yang berkenaan atau dalam mana²

peratoran yang berkenaan suatu peruntokan mesti-lah di-buat bagi membolehkan segala² berlaku dengan tenteram. Parti itu kata-lah "Parti A" perlu di-beri notice sa-chepat²-nya dua minggu daripada tarikh perma'loman tentang tidak sah-nya simbol parti-nya, bagi membolehkan parti itu mengemukakan chadangan simbol baharu parti di-sahkan dan jika berlaku-lah sa-barang pilehanraya kechil atau penamaan chalon bagi pilehanraya kechil pada tarikh tempoh notice itu belum tamat, maka simbol Parti A yang lama itu hendak-lah boleh di-gunakan untuk pilehanraya kechil itu, ini sa-bagai chontoh atau mithal-nya bagi mengelakkan berlaku-nya kekachauan, kalut ribut, dan kelemahan² yang berlaku dengan Undang² ini.

Sa-perkara lagi, Dato' Yang di-Pertua, pertentangan Undang² atau kekaboran Undang² yang wujud dalam negara kita ini dapat kita tinjau lebih dekat khusus-nya berkenaan dengan pilehanraya. Saya hendak mengemukakan satu chontoh lagi, "peratoran 11 (2) (d) dalam Peratoran Pilehanraya (Penjalanan Pilehanraya), 1959", dan meng-untokkan kuasa meluluskan sa-suatu simbol yang di-gunakan oleh mana² parti untuk menjadi simbol parti-nya dalam pilehanraya. Section 16 (2) (bb) dari Akta 1955 yang sedang di-bahathkan sekarang ini ada-lah memberi kuasa menolak mana² simbol dengan terta'alok kapada proviso. Sekarang kita tinjau kapada Akta Pertubohan, 1966. Akta Parlimen No. 13/66 ia-itu-lah Akta Pertubohan tahun 1966, Fasal 50 cheraian (1) menyatakan:

"Bahawa tiada-lah sa-suatu juga pertubohan boleh memakai untuk-nya sendiri apa² bendera, lambang atau simbol, lenchana atau lain² tanda melainkan jika bendera, lambang, lenchana atau lain² itu telah di-luluskan oleh Pendaftar".

Mengikut Akta Pertubohan, 1966, Fasal 50 cheraian (1) ini nyata-lah bahawa Pendaftar Pertubohan mempunyai kuasa mutlak untuk mendaftarkan mana² lambang, bendera, lenchana atau mana² tanda bagi mana² pertubohan, dengan suatu pengertian bahawa walau pun Surohanjaya Pilehanraya meluluskan mana² tanda simbol bagi mana² parti untuk pilehanraya, tetapi dari segi legal-nya simbol itu maseh belum sah dan maseh berkuasa pehak Pendaftar Pertubohan menda'awa pertubohan itu atau parti itu di-bawah Akta Pertubohan, 1966, Fasal 50

cheraian (3). Demikian pula sa-baleknya bahawa walau pun pehak Pendaftar Pertubohan telah meluluskan mana² simbol bagi mana² parti tetapi dari segi hakikat Undang² simbol itu tidak dapat digunakan dalam pilihanraya jika simbol itu tidak di-luluskan oleh Surohanjaya Pilihanraya. Dengan demikian, Dato' Yang di-Pertua, jelas-lah bagaimana pertentangan Undang² ini dengan mudah boleh berlaku, kedua² Akta ia-itu Akta Pilihanraya, dan Akta Pertubohan tahun 1966 masing² berdiri sendiri, berdaulat sendiri. Tidak ada perhubungan-nya yang dapat di-sandarkan kepada kuasa perundangan. Dengan demikian, amatlah mustahak Akta ini di-kaji sa-mula bahkan Undang² yang lain pun perlu di-kaji sama supaya dapat di-elakkan sa-barang pertentangan dan kesamaran. Keadaan masyarakat dan politik dalam negara kita ini sentiasa berkembang dan berubah.

Sa-orang Hakim British yang bernama Sir Frederick Lawton sa-waktu melawat Malaysia dalam tahun 1971 telah menyatakan betapa British dan Malaysia yang mempunyai latar belakang perundangan yang sama terpaksa menempoh jalan yang sama dalam menghadapi persoalan perundangan.

Beliau menyatakan juga bahawa di-England telah di-tubuhkan tiga badan untuk menolong Kerajaan mengkaji dan meninjau kembali Undang² dalam negara itu, katanya Malaysia juga terpaksa mengambil langkah yang lebih positif. Ya, kita pun patut mengatakan juga bahawa Malaysia terpaksa mengambil langkah yang lebih positif dalam menyusun sa-mula kedudukan Undang² dalam negeri ini demi untuk mencapai keharmonian dan kemajuan di-bidang masyarakat dan politik. Pandangan ini memang menasabah dan Malaysia sendiri, saya ulang patut menubuhkan juga sa-buah badan kekurangan-nya untuk mengkaji semua Undang² bagi mengelakkan daripada berlaku-nya sa-barang kesamaran dan pertentangan yang boleh melemahkan dan mengurangkan nilai² perundangan dalam negara kita.

Dato' Yang di-Pertua, ada sa-perkara lagi, sa-belum saya berhenti yang terlalu penting juga untuk di-nyatakan di-Rumah yang bertuah ini, dan patut Rumah yang bertuah ini memberikan perhatian, ia-itu apa-kah boleh atau tidak-nya Surohanjaya Pilihanraya ini menggunakan kuasa-nya di-bawah section 16 (2) perenggan baharu (bb) untuk menentukan sama ada berkait atau tidak-nya sa-suatu

simbol itu dengan ugama Islam, atau mana² mazhab-nya sa-belum terlebih dahulu mendapat fatua daripada Majlis Meshuarat Raja².

Mengikut Perlembagaan Fasal 38, sa-barang perbuatan, amalan atau upacara ugama menghendaki persetujuan terlebih dahulu daripada Majlis Raja², malah untuk mengadakan sa-buah bank menyimpan selaput mata dari umat Islam sampai sekarang ini belum selesai kerana perkara itu di-bawa kepada Majlis Raja². Soal yang perlu di-kaji kenapa soal mengambil selaput mata pun perlu di-bawa kepada Majlis Meshuarat Raja². Kerana menyentuh dengan soal amalan, adat dan perlakuan yang terkena sa-chara direct kepada tubohnya umat Islam. Baik-lah sekarang ini kita kata-lah Kerajaan dengan sendiri-nya telah menghukum bahawa bulan bintang itu ada kaitan-nya dengan ugama. Kerajaan sendiri telah mengakui bahawa antara Bulan Bintang dan ugama Islam itu ada-lah sama. Saya merujuk kembali kepada surat Pendaftar Pertubohan bertarikh pada 4hb Ogos, 1971, mengatakan bahawa Bulan Bintang itu sa-bagai sa-bahagian dari ugama sama dengan ugama, ada kaitan dengan ugama. Di-bawah kuasa mana yang di-benarkan di-dalam Perlembagaan, di-bawah Akta mana yang boleh Kerajaan saya tidak kata kepada Pendaftar Pertubohan, sebab dia ada-lah pegawai, kepada Kerajaan yang memerintah sekarang ini dapat menghukumkan bahawa Bulan Bintang itu ada kaitan dengan ugama dan kalau kita berani menghukumkan demikian, apa-kah hukuman itu sah dari segi Perlembagaan, sebab dia tidak di-rojokkan dahulu, tidak di-hukumkan terlebih dahulu kepada Majlis Meshuarat Raja², mengikut Perlembagaan Fasal 38. Kalau jawab Kerajaan ini tidak ada kena-mengena dengan ugama sebab ugama soal ibadat sahaja, kenapa soal mengadakan bank mata pun di-bawa kepada Majlis Meshuarat Raja².

Sekarang, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memberi akhir kata kepada ucapan ini ia-itu suatu pengeshoran. Bagi membersekan Kerajaan dari tuduhan bahawa Akta ini di-buat dengan mempunyai motif yang tidak sehat dan bagi menghilangkan kesamaran dari segi Perlembagaan maka perkataan²: "connected with any religion or sect thereof or" hendak-lah di-buang langsung daripada kandungan Perenggan

baharu (bb) daripada Sekshen 16 (2) Akta Pilehanraya, 1958 dan bagi untok kebaikan semua pihak maka saya chadangkan supaya Akta ini di-rujukkan kepada sa-buah Jawatankuasa Pilehan.

Dr Tan Chee Khoo (Batu): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untok mengambil bahagian dalam Rang Undang² ini yang di-kemukakan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan di-sini saya ingin berchakap dalam bahasa Malaysia dan mohon izin berchakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, baharu² ini kami telah mendengar ucapan daripada wakil dari Ulu Kelantan. Saya berharap Kerajaan Perikatan boleh atau terpaksa mengambil perhatian dengan teliti ucapan-nya oleh sebab walau pun di-dalam Rang Undang² ini hanya satu muka sahaja, tetapi motif, walau pun tidak di-chetakkan di-dalam ini, ada-lah terang. Rang Undang² ini ia-lah Kerajaan Perikatan hendak membatalkan simbol atau lambang parti PAS.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak parti saya ia-itu Parti Keadilan Masyarakat, saya hendak membangkang Rang Undang² ini dan saya membantah tentang apa² yang di-nyatakan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ka-Dewan petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, di-dalam ucapan Timbalan Menteri, beliau menyatakan oleh sebab ada Peristiwa 13hb Mei dan oleh sebab pengalaman Kerajaan yang terjadi daripada peristiwa Mei maka Kerajaan hendak menahankan eksploitasi ugama dalam lapangan politik di-tanah ayer kita. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengata-kan di-dalam negeri ini lampu demokrasi telah di-padamkan oleh Kerajaan Perikatan.

(Dengan izin) The lights of democracy in this country have been snuffed out one after another; till very soon, if we do not make a stand here and if we do not protest in no uncertain terms, what little democracy that we have now will soon be eliminated and disappear into the limbo of the past.

Mr Speaker, Sir, in this House, I have time and again stated that democracy is a very tender plant. Democracy in this country should be nurtured and nourished by all of us in this country, whether we are on that side of the House or this side of the House. As such, together we must work to nurture and nourish this tender plant in order that, in

the fullness of time, democracy can withstand whatever attacks that may be made against it. Unfortunately, even from the very day of our birth in this country, democracy has endured several buffetings mainly from the Government side. Before Merdeka in this country we had the Emergency Regulations. Came Merdeka and soon after Merdeka, what happened? The Emergency Regulations were embodied in the infamous Internal Security Act, which amongst other things has taken away the writ of *habeas corpus*.

Mr Speaker, Sir, the Alliance Government naturally is very proud of its action in saying that the Internal Security Act has been mainly responsible for the maintenance of security in this country. I wish to point out to the Honourable Deputy Minister that there may be occasions for declaring an emergency—for example, President Marcos recently declared a state of emergency in the Philippines and withdrew the writ of *habeas corpus*, Sir. But as soon as the dust of the bombing of the meeting of the Liberal Party had settled down, he withdrew that emergency and now the writ of *habeas corpus* prevails in the Philippines.

But, unfortunately, in this country, one after another the Government has loaded restrictions on the democratic process in this country. Apart from the Internal Security Act, we all know that after May 13th, the Government issued a series of Ordinances and then had made them into the ordinary laws of the land. We have now so many restrictions in the holy or unholy name of preservation of peace and prosperity in this country. Sensitive issues have sprouted up all over the country and now we are so restricted that many people have asked me why am I wasting my time in this Chamber, why shouldn't I be in my dispensary at this time where I can more profitably spend my time, and likewise lots of other professional people in this Chamber who are here this afternoon. Mr Speaker, Sir, there is no doubt that the Government is trying to curb the Opposition.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Perikatan sekarang, apabila Kerajaan membawa Rang Undang² ini sekarang, hendak menchegeh proses demokrasi berparlimen di-negara kita. Tuan Yang di-Pertua, kalau kami melihat dan meneliti apa yang di-sentuh tadi oleh

Ahli Yang Berhormat, wakil dari Ulu Kelantan

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Wakil dari Ulu Kelantan berada di-sini—Kota Bharu Hulu.

Dr Tan Chee Khoon: Ma'af, Tuan Yang di-Pertua, wakil dari Kota Bharu Hulu.

Tuan Yang di-Pertua, if you will look at this new Section it reads:

“(bb) provide for the procedure in the granting of approval by the Election Commission of any symbol to be used in any election:

Provided that the Election Commission shall not approve any symbol connected with any religion or sect thereof or which is otherwise incompatible with good order or morality.”

The Member for Kota Bharu Hulu has time and again stressed this last point.

Mr Speaker, Sir, the symbol of my party is “Matahari Terbit” dan di-mana² negara ada orang yang bersembahyang di-kala matahari terbit. The worship of the sun is an established practice in many countries for centuries past. Now, if for some curious reason the Chairman of the Election Commission may get it in his head, two weeks or two hours before nomination day, and say: “Well, you know, the rising sun has a religious connotation and therefore I do not think it should be allowed” and therefore he writes to us and says you must find a new symbol. As the Member for Kota Bharu Hulu has just pointed out, there is going to be a by-election in his State and if this Bill is rushed through and has the Royal Assent, what happens? PAS will have no symbol unless it quickly introduces a new symbol.

Mr Speaker, Sir, the other thing, of course, is that the Member for Kota Bharu Hulu has time and again stressed the possible dangerous interpretation of what is “incompatible with good order and morality.” Now, it may be, one may decide that the “Rocket” is not compatible with good order because it can bring about another kekachauan greater than the peristiwa May 13. What is going to happen to the poor D.A.P.? They have to look around for another machine to go to the moon or to mars. They have a very good Rocket now that is very well-known. But it may be decided that it is incompatible with good order and now with good morality—

the Honourable Deputy Minister says “Kesuchian Moral”. The Alliance Government is not exactly noted for good morality in this country, as the Member for Kota Bharu Hulu has stated, pertunjokan bogel, topless dan sa-bagai-nya malah di-tunjokkan di-negara kita dan Kerajaan Perikatan tidak mengharamkan pertunjokan itu. Now, it has got the temerity to bring forth a Bill that is so vague that literally empowers the Election Commission to order any party to change its symbol in the interest of good order and morality.

Mr Speaker, Sir, as the Member for Kota Bharu Hulu has pointed out, religion has been connected with politics; in fact, since the Christian era religion has grown up with politics. The Christians of the past have used religion to achieve political power. None other than the Popes of the past Middle Ages have put people on the rack in the name of religion in order that they may achieve political power.

My party and I do not advocate that we should use religion in a multi-racial society as a political issue—I want to make that very clear—but quite often one does not see how the use of a symbol “Bulan Bintang”, can cause any kekachauan in this country. There have been no disturbances over the use of the “Bulan Bintang” ever since PAS was registered. Why now the Government today brings in this, admittedly a very simple, Bill—one page, very simple—in order that there should be no disturbance in this country. It has not happened in the past. Why should they take such an action?

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memberitahu kepada Kerajaan Perikatan apa² yang di-nyatakan oleh wakil dari Kota Bharu Hulu dan pandangan² yang di-beri oleh beliau ia-lah bukan pandangan beliau sendiri atau parti PAS, tetapi sa-juta lebeh pengundi² yang menyokong parti PAS. Itu-lah Kerajaan hendak mengambil perhatian dan bukan penyokong² atau pengundi² didalam pilihanraya yang lalu yang menyokong “Bulan Bintang”, maka barangkali ada orang yang mengundi “Kapal Layar” pun menyokong simbol “Bulan Bintang”.

Tuan Yang di-Pertua, this is a blatant attempt at the suffocation and the victimisation of an Opposition party and I give notice that we in the Social Justice Party will oppose this in its entirety. Thank you.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman (Besut): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di-dalam Dewan yang mulia ini untuk memberi satinggi² tahniah kepada Kerajaan yang telah mengemukakan Rang Undang² yang ada di-hadapan kita ini, walau pun dengan keadaan yang begitu ringkas, tetapi sudah lama di-tunggu² oleh sa-tiap ra'ayat di-dalam negeri ini, yang benar² chintakan keamanan dan keharmonian dan ingin hidup berbaik antara satu sama lain.

Tuan Yang di-Pertua, sa-panjang hidup saya dan sa-panjang masa saya berkechimpong di-dalam politik, baharu sa-kejap tadi-lah saya mendengar suatu pengakuan yang di-beri oleh pemimpin PAS, ia-itu Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu Hulu, mengatakan bahawa PAS tidak pernah mengatakan simbol-nya Bulan Bintang ada kaitan-nya dengan Ugama Islam. Sa-kali lagi saya ulangi, sa-panjang hidup saya, sa-panjang saya berkechimpong di-dalam politik, baharu hari ini-lah baharu dua tiga minit ini-lah saya mendengar pengakuan daripada pemimpin PAS bahawa simbol Bulan Bintang itu tidak ada kaitan-nya dengan ugama Islam.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya berada di-Pantai Timor dan perkembangan PAS ini di-Pantai Timor, cherita² yang agak menyakitkan dan membimbangkan banyak timbul di-Pantai Timor berikutan dengan telatah yang di-bawa oleh pemimpin² PAS di-dalam tanah ayer kita ini. Sebab itu-lah, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengingatkan balek pepatah Melayu yang mengatakan: "Sebab pulot santan binasa, sebab mulut badan binasa." Kesalahan² atau pun sebab² yang timbul oleh anggapan sa-tengah² orang bahawa Simbol Bulan Bintang ini ada kait-mengait-nya dengan ugama Islam ada-lah hasil dari asohan, ada-lah hasil dari pengajaran, ada-lah hasil dari pendidekan yang di-jalankan oleh sa-tengah pemimpin PAS sendiri kepada pemimpin² kechil-nya di-kampung². Sebab itu-lah apakala pemimpin² kechil-nya yang ada di-kampung menerima pengajaran ini dari guru²-nya yang besar, mereka telah memberi tahu kepada orang ramai bahawa kira-nya orang ramai ingin menuju ka-shurga, maka jalan yang lebeh senang undi-lah sahaja Bulan Bintang, pangkah-lah sahaja Bulan Bintang di-dalam pilihanraya, terjamin dapat masok shurga. Ini-lah pengajaran, ini-lah didekan, ini-lah asohan yang di-tanam oleh sa-tengah² bukan

semua, dan Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu Hulu beliau memang tidak ada membuat pengajaran saperti itu tetapi pengikut² di-bawah-nya ada.

Tuan Yang di-Pertua, sa-panjang ucapan yang di-buat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu Hulu tadi, kalau di-teliti dan di-halusi dan di-ambil suatu kesimpulan samalah saperti kita menghadhiri ka-dalam sa-buah mahkamah dan di-dalam mahkamah itu ada sa-orang yang memang bersalah sedang di-hadapkan di-hadapan sa-orang hakim, kemudian hakim memberi peluang kepada orang yang di-tudoh tadi sa-telah meyakini bahawa dia bersalah, memberi peluang kepada-nya membuat sa-barang rayuan. Maka merayu-lah orang yang bersalah tadi dengan menggunakan ayat² yang lemah lembut, dengan menggunakan gaya yang agak boleh menarek hakim, tetapi Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimana pun rayuan, walau bagaimana pun sikap lemah lembut yang telah di-tunjokkan di-saat yang akhir dengan tidak memikirkan kesalahan dan kesilapan yang telah di-lakukan daripada dahulu, maka kata pepatah Melayu: Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna.

Jadi dengan sebab itu-lah, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan kepada pemimpin² PAS bahawa dari gulongan pemimpin PAS sudah pergi begitu jauh, sudah banyak membuat kesalahan² di-dalam tanah ayer kita ini. Sudah banyak menabor-kan perkara² yang boleh sa-hingga hampir merosakkan akal dan iktikad umat Islam di-dalam negara kita ini sa-hingga terpaksa suatu masa, Tuan Yang di-Pertua, Majlis Raja² mengambil suatu perhatian yang berat melibatkan para mufti di-dalam tanah ayer kita ini mengeluarkan suatu fatua bahawa di-dalam pilihanraya tidak sa-kali² boleh merosakkan iktikad dan iman sa-saorang dengan sebab sa-saorang itu mengundi kepada mana² pehak, kenapa fatua itu di-keluarkan, Tuan Yang di-Pertua. Kenapa penegasan ini perlu di-buat oleh para mufti di-dalam tanah ayer kita ini, kerana ada-nya maklumat² yang terang, kerana ada-nya keterangan² yang jelas bahawa ra'ayat dalam negara kita ini terutama sa-kali umat Islam sudah di-salah artikan dengan ada-nya simbol Bulan Bintang yang di-gunakan oleh parti PAS di-dalam pilihanraya. Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sangat² kuat memberi sokongan kepada Kerajaan kerana

tujuan Rang Undang² ini ia-lah sa-mata² kerana hendak mengharamkan simbol² yang ada kaitan-nya dengan mana² ugama. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau sudah hampir satu juta umat Islam di-dalam Malaysia ini memberi undi kepada PAS di-dalam pilihanraya dan tidak kurang dari 70% dari angka satu juta itu penoh meyakini bahawa simbol Bulan Bintang itu ada kait mengait-nya dengan ugama Islam. Untuk membuktikan bahawa ini betul atau tidak, saya menyeru kepada pemimpin² PAS supaya menerima hakikat yang ada, menerima Rang Undang² ini dan mari kita bertanding dalam satu pilihanraya yang baharu dengan tidak menggunakan simbol Bulan Bintang, dapat atau tidak undi satu juta itu di-dalam pilihan raya yang akan datang. Kalau PAS boleh membuktikan bahawa PAS akan mendapat undi lebih dari satu juta berarti Kerajaan ada tersilap di-dalam membuat perhetongan-nya, tetapi kalau PAS akan merosot undi dari angka satu juta itu, nyata dan terang bahawa sa-lama ini PAS mendapat undi sa-banyak satu juta dengan memperalatkan ugama Islam sa-bagai ugama yang suchi yang ta' patut sama sa-kali di-gunakan sa-bagai alat untuk menchari makan di-dalam tanah ayer kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa berchakap dengan keadaan yang bagini dari segi pengalaman bahawa kawasan saya Besut sudah 10 tahun di-kuasa² oleh Parti PAS, sa-belum saya menduduki di-kerusi yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sudah berbagai² chara, berbagai² ikhtiar terpaksa di-jalankan oleh alim² ulama' oleh mahaguru² yang benar² insaf dan sedar tentang kekarutan, fahaman² yang salah yang telah di-masokkan ka-dalam jiwa ka-dalam pemikiran orang² Islam di-daerah saya. Yang membawa masok-nya dahulu, saya terpaksa sebut nama walau pun telah meninggal dunia, Allahyarham Dr Burhanuddin. Dengan di-masokkan-nya fahaman² yang saperti ini, Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 1959 datang lagi Pilihanraya tahun 1964, 10 tahun lama-nya ra'ayat di-kawasan saya pengundi di-kawasan saya kuat mempunyai keyakinan bahawa simbol Bulan Bintang ini benar² ada kait-mengait dengan ugama Islam dan tidak kurang-nya dan tidak mustahil-nya, Tuan Yang di-Pertua, ada orang² yang menjadi pengikut buta tuli kepada PAS ini di-dalam pilihanraya. Apakala meninggal dunia telah

meletakkan simbol Bulan Bintang itu di-dalam keranda-nya, konon-nya, ini suatu chara sa-bagai suatu tiket untuk masok shurga. Dan kejadian² yang saperti ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja berlaku di-dalam kawasan pilihanraya saya di-Besut, tetapi berlaku juga di-dalam negeri Kelantan sendiri di-tempat Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu Hulu tadi.

Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentoh ucapan Ahli Yang Berhormat dari Batu yang mengatakan bahawa dengan terbentang-nya Rang Undang² ini bererti lampu demokrasi di-dalam tanah ayer kita ini telah padam atau pun mula² padam. Sa-kali imbas, Tuan Yang di-Pertua, rasa juga kebenaran-nya, tetapi bila di-kaji, di-halusi dan di-teliti Rang Undang² ini di-kemukakan di-dalam Dewan yang mulia ini, Dewan yang penoh dengan kesuchian, Dewan yang menunjukkan bahawa di-sini-lah berjalan demokrasi di-dalam tanah ayer kita ini. Negara kita menjalankan sistem demokrasi berparlimen, maka di-dalam Parlimen ini-lah di-bentang Rang Undang² ini. Di-dalam Dewan ini dudok-nya Wakil² Ra'ayat yang di-pilih oleh ra'ayat. Beri-lah pendapat masing², sama ada sokong atau tidak. Ini-lah dia yang di-katakan demokrasi dalam tanah ayer kita ini. Kalau benar lampu demokrasi dalam tanah ayer kita ini malap dan padam, sudah tentu Rang Undang² ini di-buat dalam masa NOC dahulu. Sa-balek-nya di-buat di-dalam masa demokrasi berparlimen puleh sa-mula, sebab tidak ada halangan kepada Kerajaan untuk membuat Rang Undang² yang saperti ini di-dalam masa NOC, tetapi di-tunggu sahingga puleh sa-mula demokrasi di-dalam tanah ayer kita ini, baharu-lah Rang Undang² ini di-bentangkan, kerana hendak menunjukkan kepada, terutama sa-kali Ahli dari kawasan Batu itu bahawa lampu demokrasi dalam tanah ayer kita itu bukan-nya hampir malap, bukan hampir padam, tetapi terus menyala dan menyinar di-seluruh tanah ayer kita ini (*Tepok*).

Tuan Yang di-Pertua, dengan keadaan saya yang maseh mentah dalam politik, saya rasa tidak-lah begitu salah bagi Kerajaan sa-bagai sa-buah Kerajaan yang menerima mandat dan mendapat mandat dari sa-bahagian yang besar dari ra'ayat dalam negara kita ini yang bergantung, yang mempunyai matlamat-nya untuk menjaga keharmonian, untuk menjaga perpaduan,

untuk melihat supaya perjalanan pilehanraya supaya keadaan ra'ayat mengundi supaya kekuasaan yang kita beri kepada ra'ayat itu dapat di-gunakan dengan tidak ada gangguan chara berfikir-nya dengan tidak ada rasa bimbang dan was² untuk memberi undi kepada satu parti di-sebabkan masalaah² ugama. Sebab, Tuan Yang di-Pertua, kalau sa-saorang yang berugama Islam, saya tidak berani hendak berchakap dari segi ugama yang lain, sebab saya tidak bagitu tahu selok-belok chara pemikiran orang yang berugama lain, tetapi dari segi ugama Islam. Sa-saorang yang berugama Islam, Tuan Yang di-Pertua, kalau sudah ada di-dalam kepala-nya, kalau sudah ada di-dalam pemikiran-nya bahawa sa-suatu perbuatan yang akan di-lakukan itu sadikit sa-banyak menjejaskan keimanan-nya, sadikit sa-banyak akan menjejaskan iktikad-nya, maka sudah tentu berat untuk mereka ini membuat perkara ini. Kechuali sa-kira-nya mereka di-beri fahaman yang jelas, di-beri fahaman sa-chara mendalam, di-beri kursus² sa-chara terus-terang dan mereka pun dapat bersehhkan diri dari fahaman yang karut itu baharu-lah mereka berani mengatakan bahawa pendapat mereka sa-lama ini salah dan apa yang baharu mereka terima itu betul, dan itu-lah sebab-nya yang saya dapat duduk dalam Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhir-nya sa-kali lagi saya suka mengingatkan sahabat² saya di-dalam Parti Islam sa-Tanah Melayu atau pun dalam PAS, orang tua selalu mengatakan: sa-saorang yang biasa memakai chermin mata hitam walau pun orang di-hadapan-nya itu memakai baju puteh, maka pandangan-nya selalu hitam juga sebab dia mengikut kacha mata yang di-pakai. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau-lah pemimpin² PAS berpegang kepada asas² ini bahawa sa-tiap perkara yang di-buat oleh Kerajaan Perikatan ada-lah sa-mata² tidak betul atau pun semua-nya tidak betul, ini tidak betul, itu tidak betul untuk kebaikan pun tidak betul, untuk kesuchian ugama Islam tidak betul, maka apa-kah yang betul-nya? Yang betul-nya ra'ayat dalam negara kita ini bergaduh. Kerajaan tidak dapat berjalan dengan baik, maka berkata-lah pemimpin² ini, pemimpin Perikatan bodoh, tidak pandai tadbir negeri ini, sebab itu huru-hara, sebab itu bergaduh. Jadi, ini yang di-tunggu oleh pemimpin² PAS, termasuk juga pemimpin² Pembangkang yang lain, kerana sa-lagi negara ini tidak timbul huru-hara, sa-lagi

keadaan di-dalam tanah ayer kita ini terjamin keamanan dan kesetabilan-nya, terjamin ra'ayat-nya hidup dengan keadaan baik. Saya agak², Tuan Yang di-Pertua, mengikut anggapan saya, mengikut tekaan dan telahan saya, sa-lagi keadaan setabil saya kata ra'ayat hidup baik harmoni, tidak bergaduh, tidak usah mimpi pemimpin² Pembangkang hendak memerintah negeri ini.

Ramalan saya, kalau saya meninggal dunia barangkali di-dalam lengkongan umur 60 tahun, sekarang ini sudah berumur 38 tahun, saya agak² sampai tempoh saya meninggal dunia tidak boleh lagi Parti Pembangkang yang ada di-dalam Dewan ini memerintah Malaysia ini sa-lagi ra'ayat dalam negeri ini tidak dapat di-pengaruhi dengan sa-chara kotor saperti yang berlaku sekarang ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sa-takat ini-lah sahaja ucapan saya dan buat penutup-nya saya minta kepada seluroh pemimpin² PAS, ini-lah peluang-nya kita bertaubat dan menginsafi kesalahan² lama, ini-lah masa-nya kita membersehhkan jiwa pengikut kita yang berjumlah sa-juta yang di-katakan tadi, sebab dengan lulus-nya Rang Undang² ini akan terlepas-lah pemikiran yang sa-juta dari merasa suatu perasaan bahawa mereka mengundi kepada Bulan Bintang ini benar² dapat pergi ka-shorga atau hanya benar² dapat memasoki wang ka-saku pemimpin²-nya yang di-anggap shorga itu. Sekian, terima kaseh.

Dr Chen Man Hin (Seremban Timor): Tuan Yang di-Pertua, saya sangat sukachita mengambil peluang dan saya minta izin berchakap dalam bahasa Inggeris. Hari ini kita dapati Bill Pindaan Mengenai Akta Pilehanraya dengan tujuan membuat peratoran² bagi membaiki simbol pilehanraya dan melarang menggunakan simbol² yang melambangkan ada hubungan-nya dengan ugama. Ada-lah sukar hendak di-fahamkan tujuan Bill ini kechuali ia-nya bertujuan untuk kepentingan politik yang mana boleh menjamin kedudukan parti yang memerintah untuk berkuasa sa-berapa lama yang boleh dengan menjaga kepentingan diri sendiri melalui undang². Tujuan-nya ia-lah untuk menekan Parti² Pembangkang di-dalam segala hal. Ada-kah salah menggunakan lambang ugama dan di-dalam kempen pilehanraya? Sa-benar-nya tidak. Saperti juga tidak salah-nya Perikatan menggunakan simbol kapal layar. Perkara² yang sa-benar-nya penting di-dalam kempen pilehanraya ia-lah issue

yang di-tandingan sa-panjang kempen itu dan platform parti itu sendiri dan sa-jauh mana politik yang kita ketahui ada-nya undang² menjamin keselamatan yang tidak membolehkan berucap dengan bebas.

(*Dengan izin*) Sir, for that matter, the Alliance party itself has taken on the trappings of a religious institution. Its leaders propound a belief or faith that the Alliance is all powerful and invincible, and its followers have become so fanatical as to stoop to the meanest of tactics to entrench itself in power. For Example:

- (1) It passes legislation, like this Amendment to the Election Act, to entrench itself in power. Others have been the Constitution (Amendment) Bill and the amendments to Sedition Act, which amendments have been interpreted to mean that any act or speech, which may cause dissatisfaction against the Government, is considered seditious.
- (2) If and when its power was threatened, as in the last General Elections of 1969, members of the Alliance hierarchy did not hesitate to engineer the riots of May 13 and cause a suspension of Parliamentary rule. Were there riots in Kelantan where the PAS was in power and is still in power? No.
- (3) Alliance followers have resorted to intimidation and subversion to pressure persons to join their ranks. For example, with land distribution, preference is given to those who take up UMNO, M.C.A. or M.I.C. membership. The saying goes, "If you want land, join the M.C.A. first or the UMNO or the M.I.C."
- (4) The Alliance itself has resorted to the tactics of using religions. It has built a great number of religious structures, but then the communists themselves are now using these tactics and I think they have beaten the Alliance to some extent. From what I hear, from what is reported in the papers, although there are three regiments of communist guerillas in the jungles, one-and-a-half regiments are composed of Malays. So, that goes to show the extent of their success in using religion to further their aims.

Mr Speaker, Sir, in the interest of democracy and to bolster the confidence of the people in the democratic process after the terrific shock of May 13, I would suggest that any amendments to the Election Act should take the following form:

- (i) compulsory voting;
- (ii) lowering the voting age to 18;
- (iii) banning racially-based parties from participating in the elections.

On compulsory voting, I wish to say that this is one good way to strengthen the democratic tradition and to ensure that as many qualified citizens as possible are versed in their responsibility to register and vote for their representatives to Parliament. Democracy is vital for the survival of this country, especially in an area like South-East Asia with its chronic and endemic political storms. Compulsory voting will help to instill a sense of civic-mindedness and the spirit of democracy in the ordinary citizen.

On voting age at 18, there is now a clamour from our youths to give them the franchise to vote at the age of 18. This is a sensible demand for the following reasons:

- (1) The majority of the population are young, 60% or more are below the age of 25, and a good number below the present voting age of 21. Lowering the age of eligibility for voting from 21 to 18 would take in a bigger share of the population and give them an opportunity to air their views and exercise their voting right to elect the candidate of their choice.
- (2) Again, young people are maturing faster. The old concept that youths are immature should be discarded. With the advent of modern mass of communication methods like radio, newspapers and television, the younger people are more knowledgeable than many of the older members of the community.

Children nowadays learn much more in school than did their fathers. Youths today are well informed in politics, science and social matters. In short, Mr Speaker, Sir, their mental age is high and probably higher and better than their older counterparts.

- (3) The youths of today are active and they get around the country extensively. They form an important proportion of

the consumers in this country. They eat and drink at a faster rate, travel around in scooters and cars and buy wearing apparel round the year to keep up with the trend. As consumers of rapidly growing proportions, they want to exercise their right on matters of taxes and other matters that concern them.

In a multi-racial society, Sir, the most appropriate type of political party is one with multi-racial ideals and a multi-racial composition. Multi-racial parties champion the rights of all and not just of one race alone. Political parties like the M.C.A., U.M.N.O. and M.I.C. which are racially based are an anachronism in a multi-racial society. The way to work towards unity and peace should be to ask these parties to dissolve themselves and instruct them to form into one multi-racial party. If they do not, then legislation should be passed to ban racially-based parties.

The three amendments as proposed are more meaningful and serve more useful purpose than the present Amendment Bill which quibbles over a mere symbol. This Bill has a sinister implication, in that it gives power to deprive any party of its symbol of choice, especially when that party has a wide and strong political following. It goes to show that if any party has a bigger following than the Alliance, very soon its symbol will also be under question. We in the D.A.P., therefore, oppose this Amendment Bill on the grounds that:

- (i) it is not democratic;
- (ii) there are sinister motives; and
- (iii) there are other better amendments to make to the Election Act than this Amendment.

Thank you.

Tuan Muhammad Fakhruddin bin Haji Abdullah (Pasir Mas Hilir): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian sama di-dalam perdebatan meminda Akta Pilehanraya, 1958. Dengan keluar-nya Bill ini maka tahu-lah saya bahawasa-nya keyakinan Perikatan sa-lama ini yang PAS ini dapat memerintah sa-buah negeri ada-kah kerana Bulan Bintang. Dengan mendengar suara bisikan daripada Ahli Yang Berhormat dari Besut tadi maka faham-lah saya yang dia ada-lah gembira sa-kali Bulan Bintang akan di-haramkan sa-chara tidak langsung mengikut Bill yang di-keluarkan ini

dan beliau juga mengajak kami pehak² PAS ini bertanding dengan chogan lain daripada Bulan Bintang.

Tuan Yang di-Pertua, tidak lama lagi boleh jadi parti kami akan bertanding samula dalam pilehanraya kawasan Tumpat yang di-jangka akan menunggu Bill ini lulus supaya Bulan Bintang tidak terkibar lagi di-daerah kawasan Tumpat Barat nanti. Bagi kami tidak-lah menangis kalau Ahli² Yang Berhormat di-sabelah sana meluluskan Bill ini, boleh jadi kegembiraan itu dapat-lah berjalan bermain di-dalam kepala mereka sa-hingga keputusan pilehanraya Tumpat Barat itu di-umumkan, kalau di-umumkan neschaya dapat-lah faham apa-kah erti-nya Bulan Bintang yang sudah tidak ada lagi barangkali dalam pilehanraya Tumpat Barat itu akan menjejaskan pilehanraya yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dengan keluar-nya Bill ini, maka satu lagi unsur demokrasi dalam negara kita ini telah tergugat atau terjejas. Saya tidak-lah hendak kata hampir padam-malap sa-bagaimana yang di-keluarkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu tadi, tetapi satu lagi mengikut keterangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang membawa usul ini, kata-nya untuk menjaga supaya eksploitasi ugama dan eksploitasi perkauman tidak akan berlaku dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pernah ingat dalam sejarah hidup saya ini di-Malaysia ini telah berlaku satu pergaduhan mengenai hal ugama atau simbol ugama. Boleh jadi barangkali orang masok salib atau orang² lain melihat Bulan Bintang yang ada di-punchak masjid dengan itu merasa kemarahan lalu membuat sa-suatu angkara yang menyebabkan tidak aman-nya kedudukan dalam negara kita, tetapi apa yang saya tahu, Tuan Yang di-Pertua, mengikut fahaman saya, berlaku-nya 13 Mei ini tidak ada kena-mengena dengan ugama atau Bulan Bintang. Keyakinan saya itu bertambah oleh sebab tidak ada ahli² parti kami menjadi tetamu Kerajaan makan tanggung, pakaian tanggung, tempat tidor tanggung dan semua-nya tanggung—chuma anak isteri sahaja tidak tanggung. Di-satu pehak boleh-lah kita mengatakan bahawa pergaduhan itu dengan sa-chara tidak mendalam, ia-itu berlaku di-antara bangsa Melayu dengan tidak menarek. Yang bukan Melayu, mithal-nya ia-lah orang Tionghua

dan orang India. Kedua² kaum tadi ada meyakinkan yang menjadi tetamu kerajaan, tetapi pehak Melayu tidak ada pemimpin² besar. Ada-kah berlaku begitu dengan tidak mempunyai pemimpin dengan spontan sahaja berlaku? atau hendak menanti sa-buah Raket memerintah dalam negeri ini baharu di-bawa orang itu ka-Mahkamah, atau kalau orang itu sudah mati akan di-gali kubor-nya dan orang itu akan di-gantong sa-mula akan di-bawa menjadi tetamu Kerajaan, atau bagaimana. Saya meneka bahawasa-nya Bill yang di-keluarkan hari ini ia-lah Bill yang mengharamkan sa-buah parti politik yang berbau perkauman kerana itu-lah lebeh bahaya daripada yang berbau ugama—saya tidak setuju-lah dengan apa yang di-ucapkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang mengatakan eksploitasi ugama itu lebeh bahaya daripada perkauman. Bagi negeri ini, saya tidak katakan di-seluruh dunia, di-negeri lain tetapi di-negeri ini—saya tidak perchaya, boleh jadi chontoh di-negeri lain saya tidak tahu-lah tetapi negeri ini saya tidak perchaya.

Pada masa sa-belum berlaku 13 Mei, Tuan Yang di-Pertua, saya sa-bagai sa-orang guru Melayu dahulu, sekolah saya bernama Sekolah Melayu, tetapi oleh sebab ketika satu pergaduhan akan berlaku, maka di-ubahkan Sekolah Melayu tadi dengan nama Sekolah Umum. Pada orang yang kurang pandai berbahasa Melayu, dia bacha Sekolah Umum, dia tidak tahu apa erti-nya. Rela pehak Kerajaan kita mengubah Sekolah Melayu itu kepada Sekolah Umum tadi, yang sama erti-nya, tetapi selepas itu baharu-lah dapat satu nama baharu yang maseh di-pakai hingga hari ini, ia-itu Sekolah Kebangsaan.

Yang Kedua, bahasa Melayu, kita tentu kenal. Saya sa-bagai murid² yang belajar di-Sekolah Melayu, saya belajar bahawa Melayu, tetapi bahasa Melayu ini pula tidak di-sukai oleh Kerajaan kita. Boleh jadi kemarahan kepada bangsa² lain yang ada dalam tanah ayer ini, maka di-tukarkan-lah bahasa Melayu itu menjadi Bahasa Kebangsaan. Ini pula menjadi satu tandanya balek apabila orang menyoal kita: Apa-kah Bahasa Kebangsaan kamu? Maka kita terus menjawab: “Bahasa Kabangsaan saya ia-lah Bahasa Kebangsaan”. Maka tidak sa-chuchok rupa-nya Bahasa Kebangsaan itu di-letak begitu, maka di-chuba

risek² dan di-ubah menjadi bahasa Malaysia—itu lebeh elok. Apabila orang bertanya: “Apa bahasa kamu?” Maka kita menjawab: “Bahasa Kebangsaan saya ia-lah bahasa Malaysia”, ini lebeh elok. Tetapi satu nama pertubohan atau nama pertubohan parti politik yang ada dalam Dewan ini yang saya tahu ia-lah Parti Perikatan hanya sa-orang, Tuan Yang di-Pertua, yang lain Parti MCA, Parti UMNO dan Parti MIC dan lain² parti. Pehak Parti di-sini tidak ada yang letak perkauman, kami sendiri ada orang India, ada orang China, ada orang Arab dan ada orang Melayu, tetapi pehak parti sa-belah sana menggunakan dengan nama ;kalau ta’ silap saya ia-lah Parti Kebangsaan Melayu Bersatu. Apa hendak tinggal lagi orang Melayu di-situ? Sedangkan Melayu atau perkauman yang duduk di-situ, itu-lah puncha merbahaya, tetapi chuba di-risekan dengan Bulan Bintang yang sa-baik²-nya atau parti yang berchorak ugama itu-lah baik.

Tuan Yang di-Pertua, kita mendengar suara² dalam Perjumpaan Agong, Konggres Parti UMNO mengatakan mesti di-haramkan simbol Bulan Bintang dan mesti di-haramkan Parti PAS. Kita merasa suara² ini ada-lah suara daripada pelampau² Melayu yang ada dalam Parti UMNO, tetapi ada-lah susah sa-kali hendak mengatakan bahawa pelampau² Melayu UMNO itu sudah mempengaruhi Kerajaan Perikatan hari ini, susah juga hendak di-perchaya. Tetapi apa yang sudah berlaku, Tuan Yang di-Pertua, Bulan Bintang sudah terbang dalam negeri ini, hanya Parti Islam sendiri menjadi sasaran. Nama Persatuan Islam sendiri, oleh sebab kami berugama Islam-lah, maka orang kampung sudah tidak tahu apa lagi jalan menuju ka-shorga ia-lah dengan mengundi Bulan Bintang, sa-bagaimana yang telah di-nyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Besut.

Menasabah-kah, Tuan Yang di-Pertua, kita tergamak daripada sa-buah parti atau pun sa-tengah tuduhan daripada sa-belah sana bila berbinchang soal kominis di-sempadan di-tanya pula ada-kah orang PAS mengambil bahagian sama untuk membenarkan kominis itu bersaraf di-dalam surau? Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya sa-bagai pemimpin kechil dalam PAS ini, saya terasa kalau-lah sa-hingga parti PAS—Parti Islam sa-Tanah Melayu, parti yang di-kenal dengan nama PAS ini akan di-halalkan jika sa-bagai

mana kehendak² ultra Malay yang ada dalam UMNO itu, maka saya tidak jamin-lah orang² kami akan berjuang sa-bagaimana kominis⁴ berjuang akan datang dalam hutan². Sebab kebebasan berpolitik sudah di-sekat dengan alasan bahawasa-nya dengan tidak ada-nya PAS ini senang-lah dia hidup, senang-lah kedudukan Perikatan dalam tanah ayer kita ini memerintah.

Tuan Yang di-Pertua, saya maseh ingat lagi dalam pilihanraya 1969 yang baharu ini hanya Kelantan sahaja hendak di-beri \$500 juta kalau mereka memilih Perikatan; negeri yang lain tidak di-beri. \$500 juta ini orang kampung sudah jadi tidak tahu bagaimana chara-nya \$500 juta ini. Kami senang sahaja memberitahu wang \$500 juta itu, 20 buah lori sampah Majlis Bandaran di-isi penoh² banyak itu-lah di-bagi kepada orang Kelantan—senang. Sedangkan di-bawa dengan pemimpin² besar dan kami lukis satu gambar sahaja pemimpin² Perikatan pergi menyering Kelantan itu dengan satu gambar sahaja ra'ayat negeri Kelantan telah memilih kami dengan memberi kepercayaan sa-kali lagi untuk memerintah negeri Kelantan.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, tekanan² yang di-luar kesopanan atau ketenteraman berlaku di-tempat² dalam pilihanraya negeri Kelantan. Apa yang di-namakan pemuda tahan lasak telah mengambil bahagian dengan rasmi-nya, ini kita dengar dalam surat khabar 100 orang tiap² satu kawasan melasak orang² PAS dan pemimpin besar dari Kuala Lumpur pula mengajar 100 orang Kelantan itu melasak orang² PAS.

Tuan Yang di-Pertua: Ini kita berbinchang fasal parti-kah atau fasal Bill?

Tuan Muhammad Fakhruddin bin Haji Abdullah: Fasal Bill pilihanraya.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau fasal Bill tepatkan pada Bill, sebab kita ada masa yang sangat suntok.

Tuan Muhammad Fakhruddin bin Haji Abdullah: Terima kaseh. Bagitu-lah kedudukan-nya dalam pilihanraya—berlaku dalam pilihanraya yang kami kena terok dalam pilihanraya itu tetapi akhir-nya ra'ayat memberi kemenangan kepada kami bukan-lah kerana simbol Bulan Bintang tadi yang boleh membawa mereka masuk shurga.

Saya perchaya juga kalau mengatakan kerana Bulan Bintang ini ada orang jadi huru-hara atau kerana simbol ugama itu,

orang berasa dukachita atau jadi huru-hara atau kelam-kabut ia-itu-lah boleh padi chalon dalam negeri Kedah; chalon State 8 orang, chalon Parlimen 3 orang, mereka dan keluarga mereka huru-hara fasal dahulu menang, sekarang kalah. Di-Perak barangkali sa-orang chalon Parlimen dan sa-orang chalon State kerana dua orang itu telah mendapat tentangan Parti Bulan Bintang. Di-Trengganu barangkali 11 kerusi Dewan Negeri dan 2 Dewan Ra'ayat, itu boleh, saya perchaya. Tetapi soal lain tidak mungkin timbul. Jadi dengan keluar-nya Bill ini, Tuan Yang di-Pertua, maka faham-lah saya bahawasa-nya satu lagi benda yang karut-marut telah berlaku dan telah di-kemukakan kepada ra'ayat negeri ini yang tidak tahu apa ma'ana-nya yang kuat sa-bagaimana di-keluar-nya Bill larangan mempersoalkan sensitive issue ini. Dahulu pehak kami telah menyokong kerana kami suka kepada keamanan dan kami suka berbinchang balek dalam Dewan ini, tetapi Bill ini tidak-lah begitu bagi pehak kami.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhir-nya perchaya-lah saya bahawasa-nya sa-kali lagi pehak Kerajaan di-sabelah sana menganggap kami salah daripada hakikat yang sa-benar tentang kemenangan kami itu. Dan pada pehak Perikatan pula dengan kapal layar-nya itu—simbol kapal layar itu patut di-tukarkan sama, walau pun tidak ada Undang² menegah demikian, kerana saya teringat dahulu, Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1955 ada pemimpin² Perikatan yang bersharah dalam rapat umum, antara lain kata-nya, di-suroh mengundi kapal layar kerana kapal layar ini membawa tuan² ka-Mekah (*Ketawa*). Ra'ayat yang bodoh tadi menanti tahun demi tahun sa-hingga tahun 1972 maka baharu-lah dapat kapal—kapal yang di-namakan Malaysia Raya dan Malaysia Baharu. Saya hairan mengapa di-sebut Malaysia Baharu, mengapa tidak di-sebut Malaysia Burok, sebab kapal yang di-beli itu, sa-tahu saya kapal burok, tetapi untuk menghilangkan daripada burok itu di-letakkan Malaysia Baharu supaya ra'ayat berkata: Oh! yang baharu. Jadi, di-sini, Tuan Yang di-Pertua, terok-lah bagi Perikatan di-dalam pilihanraya akan datang, kita kata undi-lah simbol kapal tuan², kapal burok, kalau pergi, terpaksa kena dengan kapal terbang, nasib baik tidak rosak di-tengah laut, kalau tidak ta' sempat hendak ambil haji.

Tuan Musa bin Hitam (Segamat Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya

kapada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas Hilir, ada-kah apa yang di-sebutkan berhubung dengan kapal itu berma'ana bahawa dia memandang kapal² yang ada di-gunakan untuk orang² pergi haji itu di-punyai oleh Parti Perikatan atau UMNO, kalau ya, saya suka menjelaskan bahawa ini tidak ada kena mengena dengan parti kita atau Kerajaan.

Tuan Muhammad Fakhruddin bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, bagitu-lah kedudukan yang sa-benar-nya kami katakan Bulan Bintang itu tidak ada kena-mengena dengan ugama, tetapi kata sa-belah pihak sana, orang ramai dengan sendiri-nya mengatakan terutama Menteri² bahawa sa-nya Bulan Bintang itu ugama. Apa kami hendak buat. Bagitu juga orang ramai, siapa sanggup, kami tidak sanggup mengatakan bahawa kapal itu tidak ada kena-mengena dengan parti Kerajaan, sebab Kerajaan sendiri mengatakan kapal layar ini-lah yang membawa orang² ka-Mekah (*Ketawa*). Saya tidak sanggup dan tuan² sendiri akan memberi kempen. Radio tuan² ada dan Jabatan Penerangan ada boleh jadi pilihanraya ini penerangan akan di-beri di-seluruh Kelantan terutama di-kawasan Tumpat Barat, sila beri tahu bahawa sa-nya kapal itu bukan kapal kami. Tetapi orang melihat, bila pergi berjabat salam di-kapal terbang—pemimpin besar UMNO pergi ka-sana, menguchapkan selamat jalan tuan². Dia tuan punya kapal dahulu, kata orang, tetapi kita tidak tahu-lah walau macham mana kita tidak mahu mengambil tanggungjawab itu untuk memberi tahu kapada orang ramai bukan tanggungjawab kita tetapi tanggungjawab orang lain yang akan memberi tahu demikian, tetapi anggapan orang ramai itu bagitu kedudukan-nya. Sekian-lah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, jarang sa-kali dalam sejarah Parlimen di-negara kita ini kita dapat peluang untuk bahathan berasaskan kapada politik dan dasar² politik parti² yang telah di-wakili di-dalam Dewan ini. Pada kali ini kita dapat peluang membahathkan satu Rang Undang² di-hadapan kita yang ada berkaitan dengan soal prinsip² yang di-perchayai oleh Kerajaan sangat penting dan mustahak. Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Batu apabila dia menyatakan bahawa Rang Undang² ini sa-betul-nya ia-lah satu perkara kechil atau pun di-atas kertas yang bagitu kechil sahaja dan muka yang bagitu sedikit.

Tetapi apa yang saya suka tegaskan di-sini

ia-lah bahawa soal yang sedang di-bahathkan berhubung dengan Rang Undang² ini ia-lah berkaitan dengan soal pokok, chorak pentadbiran di-dalam negara kita dan soal pokok dengan apa-kah kedudukan di-dalam negara kita ini dan chara kita mentadbirkan negara kita ini untuk kepentingan masa hadapan ra'ayat jelata di-negara kita. Sa-bagai Ahli² Pembangkang tentu-lah dan tidak-lah saya dan rakan² saya hairan apabila mereka membuat tohmah, membuat perkataan² dan juga menggunakan ini sa-bagai bukti bahawa parti Perikatan sa-betul-nya juga hendak menindas parti² Pembangkang. Tetapi saya perchaya bahawa Rang Undang² di-hadapan kita ini sa-betul-nya pada pendapat saya tidak-lah berbedza daripada langkah² yang telah pun di-ambil oleh Kerajaan untuk menentukan ketenteraman di-dalam negara kita. Dengan tegas-nya Kerajaan kita telah mengambil langkah² beberapa bulan dahulu untuk meluluskan undang² yang telah menghadkan pergerakan² di-kalangan apa parti politik juga dan pergerakan² yang harus di-ambil oleh ra'ayat jelata yang akan memperlibatkan ra'ayat jelata memusnahkan negara kita ini.

Satu Rang Undang² beberapa bulan dahulu berhubung dengan apa yang di-kenal sa-bagai Sedition Act telah pun di-luluskan oleh Dewan ini sa-telah di-bahathkan dengan panjang lebar-nya dan pada pendapat saya Rang Undang² itu ia-lah sa-betul-nya untuk mengelakkan parti² Pembangkang dan juga parti Kerajaan supaya jangan² mereka meng-exploitasikan atau pun menyalah-gunakan perasaan perkauman di-kalangan ra'ayat jelata kita ini dan pada sa'at ini apabila kita binchangkan Rang Undang² yang di-hadapan kita, saya berpendapat pihak Kerajaan telah berasa bertanggung-jawab supaya mengelakkan kemungkinan salah-guna atau pun exploitasi ugama di-kalangan ra'ayat jelata. Ta' dapat tidak kita di-dalam negara ini dan pemerhati² politik negara Malaysia ini tidak boleh menafikan bahawa bahaya yang besar yang akan memecah-belahkan negara kita ini ia-lah bahawa perkauman dan juga bahawa ugama di-salah-gunakan oleh ra'ayat jelata. Soal perkauman telah berkali² kita bahathkan dan kita sendiri sedar atas pendirian parti² Pembangkang terutama sa-kali daripada parti DAP mithal-nya. Pendirian kita di-parti juga jelas di-dalam soal ini. Dan apabila saya mendengar hujah² yang telah di-berikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban Timor, saya tidak

hairan atas hujah²-nya oleh sebab mereka sentiasa memainkan lagu yang sama. Tidak ada apa juga hujah² baharu yang hendak di-mainkan oleh mereka, tetapi yang tertarek kapada saya ia-lah bahawa kedua² Ahli Yang Berhormat dari Seremban Timor dan Ahli Yang Berhormat dari Batu telah juga menggunakan perbahathan kita pada hari ini, telah juga menggunakan Rang Undang² ini sa-bagai satu bukti bahawa kebebasan dan chara berkerajaan demokrasi di-dalam negara ini sa-makin lama sa-makin malap.

Demokrasi, kebebasan kerap-kali digunakan oleh mereka di-dalam hujah² mereka apabila Kerajaan hendak mengambil apa juga langkah untuk ketenteraman negara. Memang betul tiap² kali kita membuat Rang Undang² mesti-lah menjadi tanggung-jawab kita menyebutkan dan menegaskan bahawa Rang Undang² atau pun langkah² kita ambil itu ia-lah untuk kepentingan negara atau pun di-dalam Rang Undang² yang sedang di-bahathkan ini: with good order or morality, sama ada Ahli² Pembangkang bersetuju dengan-nya atau tidak terpulang-lah kapada mereka untuk merayu kapada pengundi² dan bertanding tiap² kali kita ada peluang bertanding dalam mana² pilihanraya juga, sama ada pilihanraya kecil atau pun pilihanraya besar. Saya tidak suka menyentoh soal² perkauman, perkauman yang telah berkali² timbol di-dalam Dewan ini dan kali ini kita membahathkan soal bahaya eksploitasi agama. Soal pokok yang saya sebutkan tadi ia-lah bahawa sa-bagai Kerajaan yang bertanggung-jawab patut-lah kita membiarkan sa-suatu pihak di-dalam negara kita ini menyalah-gunakan agama untuk mendapat sokongan daripada ra'ayat. Jawab-nya tidak, kerana apa tidak harus kita menunggu dahulu satu pergaduhan besar berlaku di-dalam negara kita ini baharu kita mengambil tindakan seperti 13 Mei.

Berhubung dengan soal perkauman, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas Hulu tadi bangun mengatakan pengalaman di-dalam negeri² lain, dia tidak suka menimbangkan di-dalam perbahathan kita pada hari ini, tetapi Ketua-nya, Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu Hulu pula telah menggunakan hujah² menyebutkan negara² Islam yang lain telah menggunakan lambang Bulan Bintang sa-bagai lambang negara Islam. Kita harus menggunakan pengalaman² di-dalam negara² lain. Saya ta' bersetuju langsung dengan hujah Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas

Hulu tadi oleh sebab kita mendapat tahu atas pengalaman negara² lain, maka kita dari sa-hari ka-sahari dapat memperbaiki keadaan hidup di-dalam negara kita ini. Kita mengkaji pengalaman negara² lain. Soal perkauman, mithal-nya saya kerap-kali telah menyebutkan atas pengalaman negara² lain seperti negara Ceylon, seperti negara Cyprus, seperti negara Guyana, lama sa-belum terjadi-nya 13 Mei, sama ada di-dalam Dewan ini atau pun di-luar Dewan ini dan sa-kali lagi saya suka menggunakan pengalaman di-negara² lain, di-mana kita telah di-exploitasikan dan menyebabkan pecah-belah dan huru-hara di-dalam negara² itu.

Negara Ceylon, mithal-nya, di-mana agama telah di-exploitasikan. Pada masa ini, pada sa'at ini negara Ireland Utara, agama di-exploitasikan. Oleh sebab tradisi demokrasi dan kebebasan yang telah di-beri di-dalam negara Britain, di-dalam wilayah Ireland Utara maka huru-hara yang telah bermula pada bulan Ogos tahun 1969 dahulu maseh berleluasan. Mereka² yang telah terbunuh sa-makin sa-hari sa-makin banyak. Kebebasan sa-makin lama sa-makin di-hadkan, oleh sebab Kerajaan Britain sendiri terpaksa menghadkan demokrasi dan kebebasan untuk kepentingan ketenteraman di-sana. Entah sampai mana-kah, entah kaarah mana Kerajaan British terpaksa menghadkan demokrasi dan kebebasan di-dalam negara itu untuk mendapatkan ketenteraman yang sa-benar²-nya di-dalam wilayah Ireland Utara yang saya sebutkan tadi. Jadi

Tuan Fan Yew Teng: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah kenyataan yang baharu² itu satu bukti bahawa Ahli Yang Berhormat dari Segamat Utara menyokong dasar² dan tektik² Kerajaan British di-dalam Ireland Utara?

Tuan Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak begitu jelas apa-kah tindakan² yang di-maksudkan oleh saudara Ahli Yang Berhormat tadi. Hendak jelaskan? Kalau hendak jelaskan, saya boleh jawab dengan tepat. Tidak mahu jelaskan, tidak apa. Terima kaseh.

Tuan Fan Yew Teng: Dasar² termasuk dasar yang terdiri daripada satu trial, free trial, open trial untuk orang² di-dalam Ireland Utara. Detention without trial or internment without trial.

Tuan Musa bin Hitam: Kalau itu-lah soal-nya, saya harap saya dapat faham, ia-itu Kerajaan British telah mengambil langkah² menahan ra'ayat di-Ireland Utara dengan tidak membawa ka-mahkamah. Kalau itu langkah yang di-ambil oleh Kerajaan British di-dalam suasana yang di-hadapi oleh mereka sekarang di-Ireland Utara, saya bersetuju. Ini jawapan-nya, apa lagi?

Tuan Fan Yew Teng: Ada-kah Ahli Yang Berhormat itu juga menyokong satu peristiwa di-mana Tentera British telah membunuh tiga belas orang di-dalam Ireland Utara?

Tuan Musa bin Hitam: Tidak, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya suka benar bersoal-jawab dengan Ahli² Yang Berhormat daripada mana² juga, tetapi takut ini akan jadi macham satu court, tetapi biarlah di-beri peluang kepada beliau sendiri untuk mengambil bahagian di-dalam perbahathan ini, tetapi saya suka menegaskan bahawa interpretasi saya kalau boleh di-beri peluang untuk saya menyebutkan atas kejadian di-dalam Ireland Utara ini ia-lah di-sebabkan bahawa di-sa'at ini, sa-takat ini Kerajaan British tidak begitu tegas di-dalam langkah²-nya untuk mengelakkan kejadian² saperti mana yang telah terjadi di-dalam wilayah itu.

Saya berharap saya tidak di-pandang sa-bagai sa-orang yang chuba hendak mengajar Kerajaan British untuk mentadbirkan wilayah itu, tetapi apa yang saya suka tegaskan di-sini ia-lah bahawa keadaan yang sedang terjadi di-dalam wilayah itu ia-lah di-sebabkan oleh anasir² di-dalam wilayah itu, yang telah menggunakan agama sa-bagai bahan² mereka di-dalam politik wilayah itu sendiri. Dan oleh sebab di-salah gunakan agama ini-lah maka telah terjadi huru-hara dan dari segi negara kita pula, untuk mengelakkan—ini dari segi negara kita untuk mengelakkan kemungkinan kejadian² sa-bagini-lah maka Kerajaan telah terpaksa membuat satu Undang² supaya apa juga kemungkinan menyalah-gunakan agama dan simbol agama itu akan dapat di-ambil tindakan supaya bahaya ini dapat di-kechilkan.

Tuan Yang di-Pertua, soal demokrasi yang tiap² kali di-sebutkan oleh Ahli² Yang Berhormat daripada Pembangkang, kalau dilihat sa-imbis lalu tentu-lah menarik. Negara Philippina telah di-sebutkan oleh Ahli Yang

Berhormat dari Batu. Negara Philippina sekarang huru-hara demokrasi-nya memang terkenal di-dalam dunia. Kebebasan memberi senjata, kebebasan berchakap apa juga yang di-sukai oleh mereka, tetapi keadaan di-dalam negara itu maseh huru-hara dan sa-makin lama nampak-nya sa-makin tenat. Soal pokok-nya ia-lah bahawa kita hendak mengelakkan kemungkinan terjadi satu² huru-hara di-dalam negara kita ini berasaskan kepada mereka² yang akan menyalah-gunakan agama dan menyalah-gunakan perasaan perkauman di-dalam negara kita ini.

Di-dalam Parti UMNO ada mereka² yang telah chuba menggunakan lambang saperti Allah-Hu-Akbar untuk Parti UMNO sendiri, tetapi pihak Ketua² UMNO yang bertanggung-jawab tidak bersetuju dengan kegunaan atau penggunaan lambang ini, oleh sebab² yang sama yang kita sebutkan, untuk kita meluluskan Rang Undang² yang ada di-hadapan kita ini. Jadi, jangan-lah di-katakan bahawa Rang Undang² yang ada di-hadapan kita ini hendak di-luluskan oleh Kerajaan kerana kita hendak menindas parti² Pembangkang. Kita bukan anti-Parti Islam dari segi Undang² ini, tetapi kita pro-Negara kita ini, untuk mengelakkan kemungkinan huru-hara yang saya sebutkan tadi. Saya tidak hendak bertelagah dengan Ahli² PAS, atau pun Ahli² Parti Pembangkang yang lain di atas soal² dan hujah² yang telah mereka berikan, menyebutkan keadaan di-dalam Kerajaan Parti Perikatan sendiri.

Yang mustahak-nya ia-lah bahawa kita hendak-lah bersama² memikirkan masa hadapan kita. Kita tentu akan mengakibatkan parti² politik yang lain, terutama sa-kali parti Pembangkang terpaksa tersepit sedikit agak-nya kerana Rang Undang² ini, tetapi saya perchaya parti PAS, Parti Islam bukan menang kerana lambang Bulan Bintang saperti mana kata Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas Hilir. Kalau tidak kerana lambang, mari-lah kita bertending berasaskan kepada falsafah perjuangan dan dasar² yang boleh kita kemukakan kepada ra'ayat. Ada bahaya salah guna, salah faham di-kalangan ra'ayat, mari-lah kita bersama² mengikis kemungkinan bahaya ini. Itu-lah sebab-nya yang saya tidak nampak bagaimana parti² Pembangkang boleh menentang Rang Undang² yang sedang di-bahathkan ini. Terima kaseh.

Dato' Dr Haji Abdul Aziz bin Omar (Tumpat): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang² yang sedang di-bahatkan ini dan menguchapkan tahniah kepada pehak Kerajaan kerana mengambil satu langkah yang bijak dengan mengemukakan Rang Undang² ini di-Dewan yang berbahagia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lama lebeh kurang 3 jam kita telah dengar bahathan² yang kebanyakan-nya daripada segi teori dan konsep. Sekarang saya suka-lah pula memberi pendapat saya berkenaan dengan tektik atau pun apa telah jadi di-Kelantan berkenaan dengan penggunaan simbol Bulan Bintang itu. Sa-bagai sa-orang wakil yang mewakili beribu² ra'ayat yang tebal dengan perasaan, fahaman, semangat dan keugamaan khas-nya agama Islam, maka Rang Undang² ini adal-ah merupakan satu langkah daripada pehak Kerajaan yang tegas untuk menjamin bahawa perasaan semangat dan keugamaan ra'ayat yang saya wakili ini khas-nya ra'ayat di-Kelantan dan juga am-nya ra'ayat² di-Malaysia terjamin dan tidak di-noda² atau di-permain²kan oleh sa-suatu pehak atau sa-barang pehak untuk tujuan mendapat keuntungan bagi mereka itu sendiri dengan ta' kira dan ta' hiraikan kerugian yang akan datang kapada ra'ayat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, sejarah telah menunjukkan banyak peristiwa² di-mana manusia sanggup membuat apa sahaja untuk mempertahankan agama mereka ini. Semangat dan iman manusia di-dalam hal ini maseh lagi ujud di-kalangan kita—maseh lagi ada. Jadi untuk mengelakkan sa-barang kekachauan yang mungkin timbul, maka sudah kena pada tempat-nya Rang Undang² ini di-kemukakan dan di-laksanakan. Kita akan bertanggung-jawab kapada jenerasi yang akan datang.

Sa-kira-nya kita pada hari ini tidak meletakkan satu asas yang kukoh untuk melihat supaya api fanatik keugamaan ini tidak di-kipas oleh mana² pehak yang tidak bertanggung-jawab.

Tuan Yang di-Pertua, di-Kelantan bahaya yang timbul daripada apa yang saya sebutkan di-atas tadi telah pun dapat dilihat di-dalam Pilehanraya tahun 1959 dan 1964. Sunggoh pun Ahli Yang Berhormat dari Batu mengatakan tidak ada satu kejadian daripada akibat penggunaan simbol Bulan Bintang ini.

Kejadian ini pada masa itu di-katakan kafir-mengkafir, ia-itu orang² penyokong PAS mengatakan sa-siapa yang tidak memberi sokongan kapada parti PAS ia-lah orang yang tidak perchaya kapada agama Islam. Maka dengan itu, meletup-lah berbagai² kekachauan, akan tetapi nasib baik-lah perkara itu tidak di-besar²kan dan dengan pertolongan daripada pehak yang berkenaan, maka senyap-lah kekachauan ini. Dari situ pula bangkit-lah pechah-belah bukan sahaja di-antara saudara dengan saudara, saudara dengan ibu bapa dan juga di-antara suami dan isteri menjadi bercherai-berai. Kalau begitu kita, mesti-lah berjaga² supaya perkara ini tidak di-api²kan lagi dengan sa-chara senyap² pula. Di-Kelantan, Tuan Yang di-Pertua, di-mana penduduk² beragama Islam memang banyak, soal keugamaan tidak boleh di-api²kan. Kalau sa-siapa yang mahu melakukan sa-suatu kechaman tidak ada issue yang lain yang lebeh berkesan daripada issue agama. Jadi sudah kena-lah pada tempat-nya sa-barang simbol keugamaan tidak boleh di-gunakan di-dalam mana² parti siasah di-dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, banyak cherita² yang pada pendapat kita di-sini luchu dan tahyul tetapi betul² terjadi di-Kelantan berkenaan dengan Bulan Bintang ini, dan mungkin juga perkara ini jadi juga di-kawasan² Melayu yang lain. Sa-bagai mengambil chontoh, saya suka-lah menyebut, di-sini terdapat juga orang² Islam yang menyokong parti yang bersimbol Bulan Bintang ini berwasiat supaya apabila ia mati, maka poster kechil atau besar Bulan Bintang itu di-masokkan ka-kubor-nya supaya roh-nya akan mendapat sejok.

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad (Kuala Trengganu Selatan): Tuan Yang di-Pertua, minta penerangan. Dapat-kah Ahli Yang Berhormat itu walau pun tidak sekarang ini mengemukakan satu gambar yang menunjukkan bahawa bila sa-orang PAS itu mati maka di-tampal-nya pula poster Bulan Bintang di-situ untuk menjadi satu keterangan, tidak-lah dengan suatu tuduhan yang begitu sahaja.

Dato' Haji Abdul Aziz bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya ta' dapat membuat demikian di-sini. Juga terdapat, Tuan Yang di-Pertua, ada juga orang² menyimpan poster² Bulan Bintang di-bawah tempat sembahyang-nya. Konon-nya, ini akan

menambahkan berkat, maka dengan perbuatan ini, maka ajaran agama Islam telah di-pesongkan. Ini-lah saya kata bahaya-nya simbol Bulan Bintang ini. Elok juga saya terangkan sedikit latar belakang berkenaan dengan hal ini. Ramai orang menganggap simbol Bulan Bintang itu ada-lah satu bahagian yang tidak dapat di-pisahkan daripada agama Islam, walau pun kita semua ma'alumkan dan yakin yang hakikat yang sa-benar-nya tidak begitu. Kita tidak boleh menyalahkan orang² memikirkan demikian, kerana simbol Bulan Bintang ada di-masjid² dan lain² tempat dan dengan sa-kali imbas boleh menunjukkan Bulan Bintang ia-lah lambang Islam. Bahkan, Tuan Yang di-Pertua, Bulan Bintang di-atas lambang² rasmi negara ini ada-lah melambangkan Keislaman agama negara kita seperti yang terkandung di-dalam Perlembagaan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, lambang Bulan Bintang telah di-anggap sa-bagai simbol Islam. Apabila parti yang menggunakan lambang ini menggunakan sa-bagai simbol-nya, maka timbul-lah berbagai anggapan dan angkara, kerana Bulan Bintang ini. Kalau benar kita hendak menggunakan lagi Bulan Bintang ini sa-bagai lambang agama Islam sa-kurang²-nya untuk fahaman negara kita ini, maka simbol ini jangan-lah di-benarkan di-gunakan untuk sa-barang faedah lain, kechuali di-dalam soal agama sahaja. Satu lagi akibat daripada penggunaan simbol Bulan Bintang sa-takat yang saya tahu, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah keperchayaan orang² Islam di-negara ini telah di-pesongkan juga oleh pehak² yang tertentu. Pehak ini mengatakan sa-siapa yang memangkah Bulan Bintang dalam masa mengundi akan merasai sejok di-waktu dalam kubor nanti. Ini saya tidak salahkan kepada pemimpin² Parti PAS, akan tetapi ini di-sebarkan oleh orang² PAS di-kampung yang kecil². Tuan Yang di-Pertua, satu lagi akibat-nya kita terdengar daripada akibat simbol Bulan Bintang itu ia-lah pada waktu mengempen lukisan simbol ini telah di-buat di-atas jalan² raya. Jalan jalanraya ini di-lalui oleh berbagai manusia. Ada sa-orang manusia terpijak lukisan Bulan Bintang ini, maka di-situ penyokong² Parti Bulan Bintang itu telah marah kepada orang yang memijak itu, di-katakan ia menghina agama Islam. Jadi, di-sini timbul merbahaya. Jadi, satu perbalahan telah timbul, akan

tetapi untong juga ada orang yang berfikir waras sedikit telah menyejok hati mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan menggunakan simbol Bulan Bintang, tetapi yang saya tidak bersetuju ia-lah simbol Bulan Bintang itu yang sa-patut-nya di-jadikan hak mutlak kepada simbol keagamaan Islam di-Malaysia ini, pehak yang tertentu telah salahgunakan-nya, kerana hendak menchari kesempatan di-atas sa-bahagian daripada ra'ayat negeri ini. Kita harus menentang sa-habisan² segala kharafat yang demikian. Simbol² yang ada hubungan dengan agama ini akan memecah-belahkan dan menyesatkan pemelok² agama Islam, maka Rang Undang² yang kita bahathkan ini akan memberi perlindungan yang kuat kepada pemelok² agama Islam supaya mereka tidak di-jual atau di-beli oleh sa-barang pehak untuk memancing undi atau sa-umpama-nya. Jadi, dengan sebab² yang saya katakan tadi, maka saya sokong-lah Rang Undang² ini dengan sa-penoh-nya. Sekian. Terima kaseh.

Tuan Fan Yew Teng (Kampar): Tuan Yang di-Pertua

Tuan Yang di-Pertua: Saya suka hendak beri penerangan tiap² parti yang sudah berchakap itu jangan-lah harap hendak berchakap sahaja. Beri-lah kepada Ahli lain berchakap. Pendek² boleh!

Tuan Fan Yew Teng: Pendek. Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, apa² Rang Undang² yang perlu di-buat di-dalam Dewan ini ia-lah satu Rang Undang² yang akan haramkan chorak² dan simbol yang kata bersatu kerana kaum, bukan simbol² agama-kah atau apa.² Kerana tadi Ahli Yang Berhormat dari Segamat Utara ada berkata Rang Undang² di-hadapan kita ini ia-lah ada perinsip² yang mustahak. Saya bersetuju ada perinsip² yang mustahak, tetapi dia sebutkan sa-paroh sahaja perinsip² yang mengenai agama dan bukan mengenai chorak² perkauman. Dan kerana itu saya ingat argument itu ia-lah hypocrisy, dan, Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Rang Undang² ini ada tactics oleh pehak Kerajaan yang boleh di-anggap "under the belt tactics." Apa ia-lah incompatible with good order? Apa erti ia-lah incompatible with morality? Ini ia-lah satu sikap hypocrisy, kerana ini ia-lah satu sikap "holier art thou". Kalau pehak yang salah di-sini kalau kita bahathkan morality-lah

itu ia-lah pehak Kerajaan. Di-dalam negeri kita sekarang, kita ada casino, ada Empat Digit, ada gambling, berbagai gambling dan juga ada topless show, massage parlour. Siapa yang moral dan siapa yang tidak moral? Dan dia kata public good order, May 13th, tetapi tiap² kali pehak Kerajaan menyebutkan Peristiwa 13 Mei dan kita buat satu chabaran bahawa kita mesti ada satu Surohanjaya yang merdeka yang ada Hakim², dia takut, dia tidak ada jawapan yang sesuai, langsung sa-kali tidak ada jawapan kepada chabaran itu. Tuan Yang di-Pertua, kuasa² di-bawah Rang Undang² ini sangat luas dan sangat besar. Kerana bukan kita kaseh Parti Islam atau Perkemas atau lain parti Pembangkang, tetapi ada satu prinsip yang sangat fundamental ia-itu kuasa² di-bawah Rang Undang² ini boleh di-gunakan kepada mana² parti Pembangkang pun. Kalau besok ada satu kumpulan orang² yang sakit sedikit kepala atau otak, dia mahu sembahyang satu padi, simbol padi parti Perkemas. Itu ia-lah kumpulan yang jadi kumpulan religious sect, 100 atau 200 orang yang sembahyang padi itu atau Rocket kami. Kalau ada orang² sembahyang dan jadi religious sect sudah-lah mesti di-haramkan, mesti tidak boleh, guna itu simbol lagi.

Dan tadi Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu dan juga Segamat Utara ada berkata Rang Undang² ini ia-lah menentang anasir² yang suka menggunakan exploitasi² agama. Saya di-sini ada satu contoh, ada satu bukti bahawa siapa yang bersalah di-dalam exploitasi agama.

Di-dalam pilihanraya kecil

Timbalan Menteri Pertahanan (Tengku Ahmad Rithaudeen): Untuk penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tumpat bukan dari Kota Bharu.

Tuan Fan Yew Teng: Di-dalam pilihanraya kecil di-Segamat Utara pada tahun 1968, Perikatan sendiri ada memakai berbagai² banner, tidak sama, dengan menggunakan bahasa Inggeris, bahasa China, bahasa Tamil dan juga bahasa Malaysia di-dalam tulisan Jawi, script Jawi. Di-dalam bahasa Inggeris dan bahasa China dan Tamil dia berkata: "Undi-lah Perikatan untuk prosperity peace dan progress." Tetapi di-dalam tulisan Jawi, script Jawi, ia-lah satu bukti bahawa kalau Ahli Yang Berhormat dari Segamat Utara akan mena-

fikan, saya boleh beri contoh ia-itu gambar itu: "Undi-lah Perikatan untuk kepentingan bangsa, agama dan tanah ayer", dan juga bukan peristiwa itu sahaja, tetapi di-dalam pilihanraya umum pada tahun 1969 juga ada memakai banner ini.

Tuan Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan. Dari pandangan saya-lah, kalau saya berkempen memang menjadi kebiasaan di-kalangan ahli² politik saya, untuk bangsa Malaysia, agama Islam agama rasmi di-dalam negara ini, dan tanah ayer kita yang kita kasehi—tidak ada salah.

Tuan Fan Yew Teng: Ya, tentu-lah kalau Perikatan menggunakan exploitasi agama tidak ada salah, awak ada kuasa—tidak salah (*Tepok*).

Tuan Yang di-Pertua: Chukup-lah itu!

Tuan Fan Yew Teng: Sadikit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi-lah.

Tuan Fan Yew Teng: Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan R. C. M. Rayan (Ipoh): Saya minta izin. Mr Speaker, Sir, at the very outset, I would say that this piece of legislation is not only unnecessary but absurd and mischievous in character as well and will eventually lead to abuse both by the Election Commission and also by the party in power. I feel that each party should have the right to use any symbol which it considers appropriate provided that the said symbol does not resemble that of another party. This is the position in all the civilised countries of the world.

If this obnoxious Bill is passed under the guise that the selected symbol is connected with religion, almost every symbol that the Government does not like can be brought under the religious category and made invalid. For example, the symbol of a cow can be considered as being religious because it has some connection with the Hindu religion. Again, the symbol of a pig is a taboo for the Muslims and can, therefore, be considered not suitable and, therefore, invalid. Again, the symbol of a dog may be considered to have some religious tendency as Muslims do not generally

Tuan Yang di-Pertua: Siapa beri izin untuk berchakap bahasa Inggeris? (*Ketawa*)

Tuan R. C. M. Rayan: I asked your permission already, Sir.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak beri izin.

Tuan R. C. M. Rayan: At the very beginning I asked your permission, Sir.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak dengar.

Tuan R. C. M. Rayan: Saya minta izin.

Tuan Yang di-Pertua: Chakap-lah dalam Bahasa Kebangsaan. (*Memunjukkan kapada sa-orang Ahli lain*) Dia lagi boleh!

Tuan R. C. M. Rayan: Lain kali, I will try. (*Ketawa*) Saya minta izin.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau ta' boleh, dudok dahulu. Beri orang yang boleh berchakap dalam Bahasa Kebangsaan.

Tuan R. C. M. Rayan: Again, the symbol of a dog may be considered to have some religious tendency as Muslims do not generally touch dogs on religious grounds and therefore it can become invalid as a symbol. Even snakes can be considered religious in character as the Hindu God Shiva carries a snake on his head. Similarly the symbol of a rat or a horse can be considered religious as the rats and horses are the chariots of some Hindu Gods and are, therefore, religious in character. Even the sun, the moon, the stars and all the planets can be considered religious because some people worship them. Above all, who ought to interpret whether the symbols are religious or not? Unless we have priests also included in the Election Commission, it is rather impossible for anybody to come and say whether the symbols are religious or not, so much so that we have to have

Tuan Yang di-Pertua: Nampak-nya orang itu boleh di-pegang tetapi lidah-nya tidak dapat di-pegang. (*Ketawa*)

Tuan R. C. M. Rayan: I would, therefore, ask, Mr Speaker, Sir, why taboo symbols on religious grounds? Not being contented with this taboo on religious grounds, the Government goes further and wants to obstruct the symbols on moral grounds as well. This "moral ground" is a very vast field and gives great employment for lawyers to argue the matter in a court of law and this vast

field can be made to cover all symbols which are not caught up in religious net. I would, therefore, repeat, Mr Speaker, Sir, that this is a sinister Bill and should be condemned as being most improper to be brought in. Thank you, Mr Speaker, Sir.

Dato' James Wong Kim Min (Miri-Subis): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I rise to question the intention of this Bill which is before the House today. What is the intention of the Bill? Is it political, or is it national in nature? Is it the intention of this Bill in the national interest or in the interest, for instance, of the Alliance party? Or is it a Bill which we honestly and sincerely want to help this country, so that we shall have peace and harmony among all the people, so that religion will never and can never be an issue in politics? This Bill here, Sir, says nothing about it. Therefore, I myself feel that I should question the sincerity of the Bill and the intention of it.

If the intention of this Bill is to prevent religion from being used in politics, then, Mr Speaker, Sir, I respectfully suggest to the Alliance Government that not only religious symbols should be banned but also religion should not be used in politics.

The Honourable Member for Segamat Utara has pointed out the dangers involved in having religion in politics. He cited the case of Ceylon and I think he also cited the case of Thailand; and he even cited the present terrible goings-on in Ulster.

Tuan Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, minta ma'af. Saya katakan tadi bahaya ugama di-salah-gunakan.

Dato' James Wong Kim Min: Tuan Yang di-Pertua, pada zaman ini bahaya itu jikalau di-jalankan oleh anasir² orang yang tidak ta'at kapada negara ini, memang merbahaya kapada negara kita. Therefore, Mr Speaker, Sir

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang ta' boleh berchakap bahasa Inggeris lagi, boleh berchakap dalam bahasa Malaysia! (*Ketawa*).

Dato' James Wong Kim Min: With your kind permission, Mr Speaker, Sir, if I were to speak my brand of Bahasa Malaysia it would not probably be understood by this House. Therefore, with your kind indulgence, Sir, since I come from East Malaysia, I shall evoke my privilege.

Mr Speaker, Sir, I therefore ask honestly this House and the Alliance Government to very, very seriously consider, in the light of the oft-repeated May 13th incident of the need for Muhibbah, of the need for a Rukunegara, to weld our people together into one; that and if that is the intention, Mr Speaker, Sir, that we should have no religion in politics, let this Bill be withdrawn by the Government and a new Bill redrafted incorporating the actual intention that there will be not only no use of religious symbols in politics, but also religion in any form, be it Islam or Christianity, be it Roman Catholicism or Buddhism, religions should be banned from politics. I, Mr Speaker, Sir, speak from experience.

Although the Alliance in their santonious attitude claim that they do not use religion in politics, unfortunately, Sir, in the case of East Malaysia, Sarawak in particular, in the last elections, there have been meetings by the Alliance parties in suraus and the guru² ugama have gone round asking people to vote for the Alliance—in suraus, in mosques, Mr Speaker, Sir! Now if, for instance, Sir, the other religious people like the Christians also ask for meetings in churches, what is going to happen to this country of ours? Thank God, Sir, there was no reaction in that respect. But you can see the dangers involved in having religion in politics. Therefore, Sir, coming back again to this question of religion in politics, if the Alliance Government would honestly and sincerely wish that this matter be of national interest, then it should incorporate the other conditions and also incorporate penalties on anyone who uses religion in politics.

Again, Mr Speaker, Sir, many Honourable Members today in this House have pointed out, and very rightly, Sir, that the Election Commission shall not approve any symbol connected with religion or sect which is otherwise incompatible with good order or morality. Good order and morality, we have heard before that His Majesty the Yang di-Pertuan Agong has enjoined all citizens to practise it. In fact, Mr Speaker, Sir, I did pose a question to the Honourable Prime Minister asking him whether it is the intention of the Government to impose a penalty for those who do not follow the Rukunegara. The Honourable Prime Minister said that it was not necessary, it was up to everybody to observe it. We on our side

in the Opposition the SNAP, I can assure you, have observed it, that we will not only respect our Constitution, we will observe and respect the Rukunegara. But has that Rukunegara been respected by the Ministers of the Coalition Government and by the Alliances in Sarawak? The answer is "No". How can you say that the Ministers have respect for the Rukunegara when a good man like Pengarah Rahun here who is a Pengarah, the most popular man in that place, elected by the people, has been sacked from office because he is a member of SNAP, because he exercises his right to practise democracy because he exercises his right in respect of the Constitution of this nation, and yet a man who does not respect his oath which is sworn over the Bible has been appointed the Minister of Youth in Sarawak today?

To cite another example, very recently, Sir, again in Lambang—take the case of one Ketua Kampong there by the name of Haji Mustapha Kabul bin Haji Matasan who is a very good man. Mr Speaker, Sir, I say here if anybody should go there, if an impartial Commission of Enquiry should go there, they would find that he is also the Chairman of the Limbang District Council, a Ketua Kampong who is honoured and respected by everybody in Limbang, a man of absolute unimpeachable character and not only that, Sir, he is also, I believe, a Panglima

Tuan Yang di-Pertua: What has that got to do with this Bill?

Dato' James Wong Kim Min: Mr Speaker, Sir, I am speaking about this particular provision ". . . . incompatible with good order or morality". How do you define it? So this particular gentleman, Sir, has been sacked, again by the Alliance Government. On what ground? Just because he is a member of SNAP! Therefore, Sir, how does one define "Good order or morality"? Obviously at the moment it is left entirely to the Alliance Ministers to define it. If they do a thing which is wrong, no matter how wrong it is, no matter if they do not follow the Rukunegara, no matter if they do not respect what His Majesty the Yang di-Pertuan Agong adjoined our nation and His Majesty's subjects to do, it is right.

Therefore, Sir, I would here again ask the Government to very, very seriously consider that if it is the intention here that we should respect the Rukunegara—and I believe good

order and morality is incorporated in one of the Clauses of the Rukunegara—then let that “good order and morality” be defined and anyone who infringes it would be subject to the penalties under the law.

Again, Mr Speaker, Sir, on elections. In the last two by-elections in Sarawak, in Pelagus as well as in Bau Lundu, we were all supposed to observe the rules according to the elections laws. But what happened? The State Government made use of the rules against the law and misused the Radio Sarawak and the Information Service to help in campaigning for their particular candidates. I am prepared to substantiate this, Sir, unlike the other Honourable Members from Sarawak who are not prepared to substantiate what they say. But this has happened and I am here to say that if we have an Elections Ordinance, if we have an election law, let us all observe it, but not one person should observe it while the other need not. That is not fair.

Mr Speaker, Sir, the Honourable Member for Segamat Utara again has said, and I agree with him 100% as a true Malaysian, that this Bill should be for our nation. I agree with him. Now, I want to ask the Honourable Member for Segamat Utara, who is a very influential man with the Government, that if he is sincere in his intention, then incorporate those suggestions which I have made without any ulterior motive, except in the best interests of our nation and our country, if it is the intention to ban religion from politics; but if it is not the intention to ban religion from politics, Sir, then there is no meaning to this particular Bill, except that this is merely a political ploy, shall we say, to ban PAS from using their symbol and if that is the intention, then it is a disgrace on the Alliance Government to use this Honourable House for this dishonourable purpose.

Mr Speaker, Sir, I do not wish to speak too long on this subject. It is not that it is not important; it is very important as I have pointed out some relevant points very briefly, and I hope the Honourable Deputy Minister will please take heed of what I have said and please whatever we do in this country, Mr Speaker, Sir, do it in the interest of the nation. I make a plea here: let us not adopt double standards. Thank you, Sir.

Tuan Hashim bin Gera (Parit): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian berchakap dengan rengkas dalam soal me-

minda Akta Pilihanraya 1958 yang di-kemukakan kepada kita dalam Majlis ini. Tuan Yang di-Pertua, apa yang menghairankan hati saya bahawa tuduhan² yang telah dilemparkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Besut dalam Dewan yang mulia ini bahawa Parti Islam telah mengajak dan menyuruh orang ramai di-kampung² memangkah Bulan Bintang supaya masuk ka-dalam shorga—ini tidak pernah kami lakukan. Saya sa-bagai sa-orang Pegawai Penerangan Parti Islam seluruh Tanah Melayu hanya pernah memberi ucapan di-khalayak yang ramai dengan berkata:

Simbol kami bulan dan bintang,
Musoh Islam, musoh negara tetap di-tentang,
Ta' dapat pagi, kami chari petang,
Mengaku kalah sa-memang pantang.

Kami tidak mengatakan pangkah Bulan Bintang, masuk shorga—tidak, hanya kami berkata:

Kami semua Parti Islam,
Sokong-lah kami Parti Islam,
Berfikir tuan² siang dan malam,
Penat berdiri baring di-tilam,
Supaya Melayu tidak tenggelam. (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana kata wakil dari Segamat Utara soal pokok; ya, saya tahu soal pokok Parti Islam. Tebang sahaja pokok itu, haramkan sahaja Parti Islam seluruh Tanah Melayu; ini dia soal pokok. Kami tahu Rang Undang² yang di-kemukakan ini kami faham baik².

Kerajaan menembak dengan peluru bertunang,
Kena ta' kena musoh mati,
Kami faham dan kami bertenang,
Rusa di-tembak kijang yang kena,
Bila di-tengok pelandok yang mati,
Hendak di-sembeleh babi yang tersungkor.

Ini dia, Tuan Yang di-Pertua. Rang Undang² ini di-buat ia-lah kerana satu tekanan kepada kami:

Anak pelandok di-Tanjong Palas,
Memijak tiram di-Tanjong Jati.
Ta' dapat tandok telinga di-pulas,
Untok melepaskan geram di-hati.

Ini dia, Tuan Yang di-Pertua:

Kerajaan ta' suka Bulan Bintang,
Sa-olah² jadi jelatang,
Ranchangan Kerajaan selalu di-tentang
Umpama jalan batu melintang.

Kami menentang bukan melulu,
Kami berfikir terlebih dahulu,
Umpama senjata di-pegang hulu,
Baharu musuh kami palu.

Bukan membangkang membabi buta,
Tetapi kepentingan ra'ayat jelata,
Janji Kerajaan biar di-kota,
Tidak-lah kosong semata².

Semboyan kita demokrasi,
Rupa-nya hendak banyak kerusi,
Pemerintah bertengkar berkuku besi,
Ra'ayat dapat nasi yang basi.

Sudah terang lagi bersuluh,
Kerajaan sekarang sedang mengeloh,
Di-dalam ayer badan berpeloh,
Di-sangka rotan rupa-nya buloh.

Apa jadi pada PERNAS,
Benih di-tanam tidak bertunas,
Di-sangka hujan tetapi panas,
Di-sangka sahabat rupa-nya pengganas.

Kapada Kerajaan saya serukan,
Baik-lah PAS terus di-haramkan,
Dari hidup selalu di-tekan,
Baik di-kampung atau di-pekan.

Bila PAS tidak ada lagi,
Bertindak-lah Kerajaan sa-genap segi,
Rosak-lah tapai kerana ragi,
Ada-kah untong atau pun rugi.

Tetapi kita mesti-lah ingat,
Lebah di-gunong di-bela penyengat.
Tunggu-lah masa-nya lambat danangat,
Siapa-kah kelak akan menyengat.

Ini-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua,
Sambil berpantun, sambil ketawa,
Tuan² mendengar gelak ketawa,
Jangan negara jadi kechiwa.

Dari Allah kami datang,
Kapada Allah kami serahkan,
Ini-lah upaya saya menentang,
Siapa yang benar Tuhan tunjukkan.

Terima kaseh.

Tuan Musa bin Hitam: Saya minta penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua, saya kurang faham sedikit Standing Orders dalam Parlimen ini, boleh atau tidak, Kita benarkan sa-saorang itu berpantun dan tidak berucap.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Pantun itu satu daripada jenis ucapan juga (*Ketawa*), asalkan kena bahasa-nya tidak apa-lah.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana mungkin undi akan di-ambil pada petang ini

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, perbahathan akan di-sambong sa-hingga hari Isnin.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, wakil dari Batu mengatakan, lampu demokrasi telah malap atau padam yang berma'ana demokrasi telah mati. Kalau saya sa-orang Ahli Dewan

Dr Tan Chee Khoo: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengatakan demokrasi di-negara kita mati. Apa yang saya sentoh ia-lah lampu demokrasi di-padamkan.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya memahamkan apabila telah padam ma'ana-nya gelap seperti orang dalam kubor yang telah mati. Jika saya mengatakan demokrasi telah pudar, telah padam atau telah mati, maka saya akan berhenti daripada menjadi Ahli Dewan ini dan saya akan beri tahu pengundi² saya bahawa saya tidak berguna lagi dalam Dewan ini, kerana demokrasi telah mati, dan saya tidak mahu menipu pengundi² yang telah mengundi dalam pilihanraya yang telah lalu itu.

Sa-barang Ahli Pembangkang pada masa yang akan datang yang chuba mengatakan demokrasi telah mati, tetapi tetap juga tinggal dalam Dewan ini ada-lah sa-mata² orang yang menchari keuntungan mendapat elaun bagi faedah diri sendiri dan menipu pengundi² dan boleh kita katakan hypocrite di-dalam Dewan ini.

Wakil dari Seremban Timor menhadangkan supaya parti² politik seperti UMNO, MCA, dan MIC di-tutup dan di-hidupkan sa-buah parti non-communal. Orang² Melayu yang menyokong UMNO bukan di-paksa, tetapi dengan kehendak mereka sendiri. Orang² China yang menyokong MCA juga bukan di-paksa tetapi dengan kehendak mereka sendiri. Begitu juga orang² India menyokong MIC. Tidak ada satu Undang² yang ada dalam negeri ini yang boleh memaksa sa-saorang ra'ayat menjadi ahli mana² satu parti politik jua pun. Ini-lah demokrasi, satu tanda Kerajaan Perikatan mengekalkan fahaman demokrasi dalam negeri ini. Dan di-sini nampak-lah dengan jelas belang parti DAP yang berchorak diktator yang hendak menutup parti²

politik yang ada pada hari ini. Kerajaan Perikatan memberi peluang kepada sa-tiap orang ra'ayat memasuki mana² jua parti politik yang ada, yang halal dalam negeri ini. Jadi di-sini, terang dengan jelas bahawa parti Perikatan-lah juara demokrasi dalam negeri ini dan bukan-nya parti Pembangkang yang hendak menutup dengan memaksa ra'ayat negeri ini mengikut satu² parti politik mengikut kehendak mereka itu. Dan saya berharap ra'ayat negeri ini sedar apakah akan jadi kepada demokrasi di-Malaysia apabila parti yang seperti ini dapat memerintah dalam negeri kita ini kelak.

Tuan Yang di-Pertua, Bill yang kita binchangkan ini ia-lah mengenai soal memberi kuasa kepada Surohanjaya Pilehanraya untuk menentukan bagi menahan mana² jua parti yang menggunakan simbol yang boleh membangkitkan huru-hara terbit daripada simbol² ugama dan lain² yang boleh menimbulkan bahaya itu. Tetapi nampak-nya parti² politik, parti² Pembangkang yang telah berchakap pada hari ini lebeh menitek-beratkan soal keselamatan parti mereka masing². Dan bukan-nya berchakap dari segi kepentingan negara.

Parti Perikatan ada-lah lebeh mementingkan soal kepentingan ra'ayat dan negara lebeh daripada soal kepentingan parti.

Kami sanggup menerima kekalahan dalam mana² jua pilehanraya asalkan 10 juta ra'ayat Malaysia akan selamat dan negara kita akan selamat (*Tepok*). Tetapi parti² Pembangkang lebeh mementingkan soal kemenangan parti mereka dalam tiap² kali diadakan pilehanraya.

Parti Perikatan telah di-beri kuasa oleh ra'ayat dan kami akan gunakan kuasa ini untuk membuat sa-banyak mana Undang² yang mempunyai tujuan yang terpenting sakali bagi menyelamatkan ra'ayat dan negara, sama ada ra'ayat akan menyokong atau tidak segala Undang² yang di-buat oleh Kerajaan akan dapat kita saksikan dalam pilehanraya yang akan datang.

Orang² yang mengatakan demokrasi telah mati, saya suka memberikan jaminan apabila chukup tempoh 5 tahun umur Dewan ini, kami tetap akan meletakkan jawatan dan akan memanggil satu pilehanraya baharu di-adakan pertandingan yang akan datang ini dan parti² Pembangkang boleh timbulkan perkara ini kepada ra'ayat dan terpulang-lah kepada ra'ayat membuat keputusan sama

ada undang² ini yang di-buat oleh Perikatan mempunyai tujuan yang baik atau sa-balek-nya. Undang² ini di-adakan ia-lah mengikut seperti kata pepatah Melayu: "Menyediakan payong sa-belum hujan."

Ada di-antara Ahli² Pembangkang mengatakan PAS telah menggunakan simbol Bulan Bintang sa-kian lama, tidak ada timbul pergaduhan. Saya suka menyebutkan di-sini sama ada simbol Bulan Bintang atau lain² simbol akan di-hapuskan atau tidak, belum-lah di-ketahui lagi. Ini terpulang-lah kepada nasib parti itu kelak. Apabila undang² ini di-luluskan. Tetapi apa yang kita binchangkan pada hari ini ia-lah hendak menchari jalan bagi menyelamatkan ra'ayat Malaysia dan negara kita yang di-kasehi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu Hulu ada menyebutkan bahawa undang² itu patut di-rojokkan kepada sa-buah Jawatan-kuasa Penyemak dan sa-lanjut-nya beliau telah menyatakan ada sa-orang Inggeris yang telah datang ka-Kuala Lumpur dan memberikan kenyataan bahawa undang² negeri ini banyak bersamaan dengan undang² Inggeris dan di-Great Britain sendiri badan² telah di-tubuhkan untuk mengkaji sa-mula undang² itu. Maka Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu Hulu menchadangkan supaya kita juga mengikut jejak langkah British itu. Sunggoh malang, orang yang saya anggap sa-bagai sa-orang pahlawan di-negeri ini mahu mengikut jejak langkah British, penjajah yang hendak mengubah undang².

Saudara² sakalian daripada parti Pembangkang ada-lah di-beri peluang dahulu dengan sa-penoh²-nya membawa pindaan undang² mana² sahaja undang² yang di-fikirkan oleh mereka tidak betul boleh di-bahathkan dalam Dewan ini dan tidak payah hendak di-rojok kepada sa-buah Jawatan-kuasa lain kerana mereka bukan terdiri daripada wakil ra'ayat dalam negeri kita ini. Apa-kah sebab-nya parti² Pembangkang ini takut kepada simbol. Mereka telah mengatakan bahawa simbol tidak membawa ma'ana. Jika simbol tidak membawa ma'ana, apa-kah yang mereka perlu bimbangkan soal ini. Bagi pehak parti Perikatan kami masok dalam pertandingan pilehanraya, kami tidak bergantung kepada simbol kami. Jika sa-kiranya puak Pembangkang takdir-nya dapat memerintah negeri ini dan saya perchaya tidak akan berlaku seperti itu, mereka boleh

mengharamkan simbol Kapal Layar yang di-pakai oleh Parti Perikatan. Kami tidak berasa bimbang sama sa-kali jika simbol itu mahu di-tukar kerana kami berjuang sa-lama ini bukan bergantung kepada simbol tetapi kemenangan yang kami perolehi ada-lah bergantung kepada ranchangan² dan dasar² yang dapat di-terima oleh sa-bahagian besar ra'ayat negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak menyebutkan bagaimanakah chara²-nya yang sa-tengah² parti Pembangkang menggunakan simbol itu untuk menawan hati ra'ayat sehingga boleh menyesatkan fahaman mereka itu hairan perkara ini telah di-sebut banyak oleh wakil daripada pehak Parti Perikatan. Saya sendiri tidak tahu sama ada simbol ini hendak di-haramkan atau pun tidak, tetapi jika sa-kira-nya Election Commission mengambil keputusan mengharamkan pemakaian simbol Bulan Bintang, maka saya men-chadangkan patut-lah orang² PAS mengu-chapkan terima kaseh kepada Election Commission bagi menghapuskan-nya supaya tidak-lah berlanjutan dosa sa-tengah pemimpin² parti PAS yang telah menyesatkan orang ramai yang mengatakan simbol Bulan Bintang itu ia-lah Islam dan tiket boleh masok shorga dan berbagai² chara yang tidak sa-harus-nya yang boleh merosakkan iman yang telah di-keluarkan oleh mereka sa-lama ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kampar mengatakan bahawa satu Surohanjaya Penyiasat telah di-chadangkan supaya menyiasat kejadian 13 Mei tahun 1969 dan jawapan tidak ada daripada pehak Kerajaan. Saya suka menyebutkan di-sini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa Kerajaan tidak ada berniat hendak menubuhkan Surohanjaya yang seperti ini kerana penubuhan Surohanjaya seperti ini ada lebeh banyak menimbulkan kesan² yang burok daripada mendatangkan kebajikan kerana tidak dapat tidak akan berbangkit beberapa soalan² yang akan membangkitkan sa-mula semangat perkauman yang boleh menchetuskan pergadohan yang lebeh hebat daripada yang berlaku pada 13 Mei tahun 1969 demi menjaga kepentingan ra'ayat Malaysia dan negara, maka kami tidak mahu menubuhkan Surohanjaya Penyiasat ini, tetapi wakil² daripada DAP mempunyai pandangan yang sangat sengkat yang tidak nampak apa-kah kejadian burok yang akan berlaku atau timbol, kemudian daripada itu men-chadang-

kan Surohanjaya seperti ini. Saya berharap ra'ayat negeri ini sedar bahawa orang² yang seperti ini tidak boleh di-beri kepercayaan untuk memerintah negeri ini kerana dengan pandangan² politik yang sengkat daripada mereka itu boleh menjahanamkan negeri kita ini pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menegaskan lagi di-sini bahawa Kerajaan Perikatan akan sentiasa mengkaji daripada satu masa ka-satu masa di-mana sahaja timbul perkara² yang boleh membangkitkan pergadohan perkauman, kami akan bertindak umpama-nya membuat undang² baharu, atau meminda undang² yang ada dalam Dewan ini. Kita telah membuat kesilapan apabila Perlembagaan di-gubal dalam tahun 1957 dan tidak memberikan sharat² bahawa soal Raja² Melayu, soal keraya'ayatan, soal keistimewaan orang Melayu dan soal bahasa tidak boleh di-bangkitkan dan kesalahan itu telah pun kita perbaiki dalam Dewan ini apabila semua pehak telah bersetuju kechuali DAP untuk meminta Perlembagaan itu dan sekarang kita dapati ada lagi loop-hole, ada lagi tempat² yang kita fikirkan bagi membangkitkan semangat perkauman, pergadohan perkauman, maka undang² ini kami bawa ka-mari dan saya suka beritahu di-sini walau berapa banyak pun undang² akan kami bawa dalam Dewan ini demi kepentingan ra'ayat dan negara sama ada parti Pembangkang mahu terima atau tidak terima, itu soal mereka, tetapi kami akan bawa lagi undang² di-mana sahaja loop-hole yang kami dapati boleh membangkitkan semangat perkauman dari segi perkauman, dari segi ugama dalam negara kita. Saya berchakap dengan pendek sahaja pada hari ini untuk menjelaskan pendirian Kerajaan Perikatan. Kami bukan mementingkan soal parti politik, tetapi kami lebeh mementingkan soal ra'ayat dan soal negara. Sama ada tindakan kami ini betul atau tidak, biar-lah di-hakimkan oleh ra'ayat dalam pilihanraya yang akan datang dan dengan kenyataan ini nyata-lah tuduhan yang menyatakan demokrasi itu telah mati ada-lah tidak betul dan demokrasi tetap hidup dalam tanah ayer kita ini. Terima kaseh.

Tan Sri Syed Nasir bin Ismail (Muar Dalam): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian membahathkan Rang Undang² yang di-hadapan Dewan ini ia-itu menyokong dengan sa-penoh-nya Rang Undang² ini. Apa yang di-bangkitkan dan

di-kemukakan oleh terutama Ahli² daripada parti Pembangkang tidak bersetuju dan membangkang atas undang² ini, tetapi saya berpendapat ini ia-lah di-sebabkan kerana sudah terlengah, sudah terlalu lewat undang² ini di-kemukakan. Sa-patut-nya Rang Undang² ini di-kemukakan lebeh dahulu lagi, atau sudah di-masokkan di-dalam Sekshen 16 (2) Akta Pilehanraya tahun 1958, sudah ada terkandung bahagian yang kita binchangkan, yang kita hendak masokkan di-dalam sekshen ini, kerana kalau ini sudah ada terkandung di-dalam Akta Pilehanraya, 1958 itu, maka banyak perkara² yang sudah timbul pada masa² yang lalu tidak berlaku dan sudah-lah tentu pada masa ini dan kita membincangkan Rang Undang² ini tidak akan mendapat tentangan dari pihak Pembangkang. Tetapi dengan sebab bagaimana yang di-katakan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar bahawa kita dapati dari sa-masa ka-samasa ada tempat, kelemahan² di-dalam undang² kita, di-dalam Perlembagaan kita, maka kita ketatkan demi kepentingan ra'ayat dan negara.

Bagitu juga-lah tentang Rang Undang² atau Akta Pilehanraya Tahun 1958, yang kita dapati sa-telah berjalan tiga Pilehanraya; Pilehanraya Tahun 1959, 1964 dan 1969, kita dapati ada tanda² dan bukti² bahawa dengan menggunakan satu² tanda dan lambang di-dalam pilehanraya itu, yang ada hubongannya dengan agama umpama-nya, maka ini telah menimbulkan suatu pertelagahan yang besar di-antara ra'ayat dengan ra'ayat dan menchabar ketenteraman negara kita yang sudah memang dalam keadaan aman itu. Maka dengan sebab itu-lah Rang Undang² ini di-fikirkan sangat perlu dan sekarang di-kemukakan bagi timbangan Dewan ini.

Bagitu juga bagaimana yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat wakil dari Ipoh yang mengatakan bahawa Rang Undang² ini absurd, tidak menasabah dan tidak sesuai kerana mengikut kata-nya kalau sa-suatu simbol pilehanraya itu ada berkaitan dengan agama saperti tanda lembu, atau ular sa-umpama-nya. Ini juga pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, kira-nya ada sa-suatu parti politik menggunakan sama ada lembu atau ular dan di-dalam politik ular itu digunakan oleh pihak yang lain untuk menakutkan satu pihak yang lain, sampai bertempiran, bertaboran dengan sebab ular, maka akan merosakkan ketenteraman negara, saya perchaya Kerajaan akan mengadakan

juga peratoran dan Rang Undang² supaya ular tidak boleh juga di-gunakan kerana ini akan merosakkan ketenteraman negara, dan . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Panjang lagi? Masa sudah sampai. Kalau panjang lagi boleh Yang Berhormat sambong bila kita berbathat kemudian.

PENANGGOHAN (Usul)

Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, saya menchadangkan supaya Dewan ini di-tanggohkan.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UNIVERSITI MERDEKA

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya akan berucap dalam bahasa Malaysia dan juga mohon izin berucap dalam bahasa Inggeris.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Bagus! Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Pada tahun 1969 ada dua chadangan untok menubuhkan dua buah universiti, ia-itu Universiti Kebangsaan dan Universiti Merdeka. Universiti Kebangsaan sekarang sudah ada, tetapi Universiti Merdeka sudah mengalami masaalah² yang besar.

(Dengan izin): The Merdeka University was mooted by Chinese educationists and educational circles to provide university education opportunities for Chinese Secondary School-leavers. At present these Malaysian students have to go overseas, either to the Nanyang University in Singapore or the Taiwan University for further education.

The Merdeka University was also conceived in the spirit of Clause 152 of the Malaysian Constitution which guarantees the use and study of all languages in the country. Right from the beginning, the project ran into strong opposition from the Government and the ruling parties, in particular the U.M.N.O. and the M.C.A. The Government's attitude was best exemplified by the statement by the M.C.A. President who said that to expect the Merdeka University to succeed was like waiting for "iron trees to flower."

However, as a result of national popular demand, one day before the General Election, on May the 10th, 1969, the Government registered the Merdeka University project after holding up its registration for a considerable time. The question in the minds of all then was whether this was merely a General Elections gimmick and trick to get votes or whether it represented a sincere Government attitude not to obstruct the building of a university to increase university educational opportunities from the people's own efforts and funds.

During the N.O.C. rule after May 13th, 1969 right up to this day, there is uncertainty as to the position of the Merdeka University project, as to whether it is banned or otherwise. The public from all walks of life, whether hawkers, trishaw riders, barbers, workers, have made contributions and donations for the project. A lot of money has been collected; a lot more has been pledged as donations. But the question is, is the Merdeka University project banned, and if so, why is it banned? The Government should clarify its position on this matter.

I would also like to ask the Honourable Minister of Education whether he would receive a delegation from the sponsors of the Merdeka University project to discuss the subject. Before I conclude, I would urge the Government not to stand in the way and frustrate the people's desire to set up the Merdeka University which should be permissible in a democratic nation. Thank you.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, pada 10hb Disember tahun lalu,

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka telah mendatangkan soalan maksud-nya serupa dengan ucapan penanggoohan beliau ini dan saya telah memberi jawapan yang bertulis, yang berbunyi dan saya mohon keizinan membacakan jawapan saya itu, terjemahan-nya di-dalam bahasa Inggeris:

"The Honourable Member will recall that before and during the last General Elections, the setting up of the Merdeka University was only a proposal made by the sponsors of the University and in so far as the Government is concerned, no formal application was ever made by the sponsors to the Government to set up the University. Such being the case, the question as to whether the Government has banned the proposed Merdeka University project does not, therefore, arise." I also added that, "It is now the Government's policy that no private university will be permitted to be established. It will not, therefore, serve any purpose for me to receive a delegation from the sponsors of the said university."

Dengan jawapan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak-lah ada apa² tambahan yang saya hendak berikan bagi menjawab Uchapan Penanggoohan Ahli Yang Berhormat. Terima kaseh.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Meshuarat di-tanggohkan hingga pukul 2.30 petang, hari Isnin, 7hb Februari, 1972.

Dewan di-tanggohkan pada pukul 6.38 petang.